

# Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 165 ● 20 - 26 MEI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)


@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



KL-Putrajaya catat 309 pusat wabak  
**HFMD merebak terlalu pantas**

**K**UALA Lumpur dan Putrajaya mencatatkan peningkatan kes penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) yang membimbangkan sejak seminggu lalu.

Sebanyak 4,421 kes atau 14 peratus dari keseluruhan 31,661 kes melibatkan kanak-kanak di Malaysia merebak di Kuala Lumpur dan Putrajaya manakala Selangor yang merupakan sebahagian daripada Lembah Klang mencatat 8,864 kes iaitu 28 peratus dari kes keseluruhan.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

Terima kasih Menteri Wilayah, Datuk Bandar

# Peniaga Little India dapat semula lesen

**T**UJUH penjaja di Little India, Brickfields yang dibatalkan lesen berniaga sejak dua tahun lalu, dapat semula lesen mereka baru-baru ini.

Sebelum lesen dibatalkan, DBKL memberi lesen sementara yang perlu diperbaharui setiap tahun dan ia dibatalkan akibat Pejabat Tanah dan Galian (PTG) mahu mengambil kembali tanah menempatkan ruang niaga penjaja terbatit.

Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), **Datuk Seri Zainal Abidin Mohd Rafique**, berkata masalah berkaitan lesen perniagaan di kawasan itu berpunca daripada status tanah digunakan penjaja untuk beroperasi.

"Tanah ini milik PTG, kini PTG telah menyenaraikan

tanah terbatit kepada DBKL. Maka DBKL boleh mengeluarkan lesen penjaja dan berkuasa untuk memperbaharui lesen.

"Terima kasih juga kepada Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Seri Dr Shahidan Kassim) dan Datuk Bandar (Datuk Seri Mahadi Che Ngah) kerana memberi kelulusan untuk penjaja mendapatkan lesen hari ini," katanya berucap pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Penjaja Statik Little India Brickfields, baru-baru ini.

Difahamkan, penjaja yang menerima surat tawaran mulakan perniagaan mereka sejak 1999, termasuk Veal Alagi Krishnasami, 57, yang menjual nasi lemak.

"Dengan umur semakin tua dan masalah kewangan, agak sukar saya untuk ber-

pindah dan mencari lokasi baharu. Sebelum ini, banyak rayuan dibuat kepada orang atasan supaya lesen semestinya diberi semula dan hari ini, kami bersyukur akhirnya permohonan kami didengar," katanya.

Penjaja lain yang menerima surat tawaran, Ooi Ah Boi, 73, berkata bukan mudah baginya untuk berdepan masalah tiada lesen perniagaan selama dua tahun dan berterima kasih kepada PTG atas keperihatinan memberi semula hak untuk menjaja.

"Terima kasih kepada penjaga PTG, memahami rayuan kami yang sudah tua. Ini sahaja tempat kami mencari rezeki dan berharap dapat berniaga dengan tenang kerana setiap hari risau memikirkan tempat mencari rezeki jika tiada lesen," katanya. **WK**



ZAINAL (dua dari kanan) menyerahkan lesen kepada peniaga-peniaga Little India Brickfields baru-baru ini.

## Kuala Lumpur-Putrajaya jadi pusat wabak HFMD tertinggi negara

DARI MUKA DEPAN

**PENINGKATAN** sebanyak 15 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu, kata Ketua Pengarah Kesihatan **Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah**.

Beliau berkata sebanyak 7,526 kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi (ME) 19/2022 yang berakhir pada 14 Mei yang menunjukkan peningkatan sebanyak 349 peratus, berbanding ME sebelumnya dengan hanya 1,676 kes di seluruh negara.

"Majoriti lokasi penularan wabak berlaku di tadika, taska atau prasekolah iaitu 575 wabak atau 65 peratus daripada kes keseluruhan, diikuti oleh rumah persendirian dengan 305 wabak (34 peratus) dan juga pusat jagaan kanak-kanak sebanyak 27 wabak (tiga peratus)," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Beliau berkata sebanyak 889 wabak dilaporkan di Malaysia iaitu tiga negeri tertinggi ialah Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu 309 wabak (35 peratus), diikuti Selangor dengan 111 wabak (12 peratus) dan Perak 105 wabak (12 peratus).

Dr Noor Hisham berkata kebanyakan kes HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur enam tahun ke bawah iaitu sebanyak 29,781 kes (94 peratus), diikuti kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun iaitu 1,473 kes.

### KUARANTIN PENYAKIT HFMD SAMA SEPERTI COVID-19 DI MUKA 15

Pusat wabak dikira apabila terdapat dua atau lebih kes

dalam satu lokaliti dan kes mempunyai kaitan epidemiologi serta berlaku dalam tempoh inkubasi.

Beliau memperingatkan bahawa penyakit tersebut adalah penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasi mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan orang ramai boleh melaporkan kes kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran. **WK**



## Jangan pandang ringan perubahan anak - Pakar Pediatrik

IBU bapa atau penjaga dinasihati untuk peka dengan perubahan kanak-kanak di bawah jagaan mereka sekiranya tidak aktif seperti kebiasaan.

Pakar Pediatrik Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM), **Dr Nor Arzuar Abdul Rahim**

berkata sekiranya kanak-kanak ini dilihat tidak aktif atau 'fussy', mereka mungkin dijangkiti dengan wabak tangan, kaki dan mulut (HFMD).

"Antara gejala HFMD adalah seperti demam, ulser serta ruam berbiji di anggota tubuh badan yang menyumbang kepada keadaan tidak aktif."

"Sekiranya terdapat gejala berkaitan, ibu bapa perlu segera bawa anak mereka ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan pengesahan dan rawatan," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Menjelas lanjut, Nor Arzuar berkata, wabak ini merupakan jangkitan virus yang biasa merebak melalui air liur, cecair hidung ataupun najis kanak-kanak yang telah dijangkiti.

"Umumnya kanak-kanak kecil biasa memasukkan jari atau tangan mereka ke dalam mulut. Selepas itu mereka akan bermain dengan alat permainan atau menyentuh permukaan disekeliling mereka sambil berkongsi permainan tersebut dengan kanak-kanak lain di taska ataupun pusat asuhan kanak-kanak yang menjadikan ia menular dengan pantas," katanya.

Beliau berkata, kanak-kanak yang

dijangkiti wabak HFMD perlu dikuarantin di rumah namun ia tidak seperti protokol kuarantin COVID-19.

"Kanak-kanak yang telah disahkan mendapat jangkitan HFMD akan dilaporkan kepada pejabat kesihatan daerah masing-masing.

"Sekiranya telah dikenal pasti punca wabak adalah dari pusat jagaan ataupun tadika, saranan untuk menutup pusat berkenaan sementara waktu akan dikeluarkan.

"Kebiasaannya surat sokongan dan pengesahan dari pihak doktor kepada majikan akan dikeluarkan kepada salah seorang ibu bapa yang memerlukan cuti jagaan anak yang terpaksa dikuarantin di rumah" katanya.

Dalam pada itu, Nor Arzuar mengingatkan kepada ibu bapa untuk sentiasa sensitif dan tidak menghantar anak mereka ke pusat jagaan atau tadika jika terdapat tanda-tanda gejala HFMD bagi mengelakkan ia merebak kepada kanak-kanak lain.

"Bagi pengusaha taska atau pusat asuhan kanak-kanak pula adalah disarankan untuk sentiasa menjaga kebersihan premis masing-masing.

"Segala peralatan atau alat mainan yang telah digunakan perlulah dicuci setiap hari kerana kita tahu risiko kesan air liur kanak-kanak di permukaan mainan adalah tinggi.

"Ibu bapa dan penjaga juga perlu sentiasa kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun terutama selepas menukar lampin kanak-kanak atau selepas menggunakan tandas," katanya. **WK**



DR NOR ARZUAR

Penerima sumbangan warga Wilayah Persekutuan gembira

# YWP serah lebih RM3.5 juta bantuan

DIANA AMIR

**D**ALAM memastikan kesajahteraan warga Wilayah Persekutuan (WP) terpelihara, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyerahkan bantuan lebih RM3.5 juta buat warga Wilayah Persekutuan baru-baru ini dalam Majlis Hari Raya YWP.

Antaranya Skim Bantuan Awal IPT, Penyerahan Bantuan Pemakan Sekolah Menengah, Penyerahan Biasiswa Sekolah Menengah (SSPN-i-PTPTN), Sumbangan Alat Pendengaran dan Sumbangan Hari Raya kepada Pelajar Tahfiz serta Asnaf.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, beliau yakin bantuan yang disalurkan ini sedikit sebanyak dapat membantu meneroka kembali warga WP dan dalam masa sama meringankan beban golongan kurang bernasib baik.

Mengulas lanjut tentang bantuan



ZAIZALNIZAM

yang diberi, YWP menyerahkan taian sejumlah RM2.5 juta makanan sihat untuk pelajar-pelajar yang layak di 112 buah sekolah menengah seluruh WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Kita juga turut menyerahkan duit simpanan untuk pelajar-pelajar cemerlang WP yang menerima Biasiswa Sekolah Menengah YWP, bernilai RM1 juta kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional," katanya ketika Majlis Hari Raya Aidilfitri YWP yang diadakan di Manhattan Ballroom, Hotel Berjaya Times Square.

Mengambil berat dengan para pelajar WP yang tidak berkemampuan, YWP turut menyediakan bantuan tunai secara one-off sebanyak RM1,000 seorang kepada pelajar terpilih yang akan memulakan pengajian semester pertama.

"Mereka datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Jadi, kita membantu meringankan beban pelajar-pelajar di Institut



IZZATUL



AHMAD FADHLAN

Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di peringkat Diploma, Sarjana Muda serta Sarjana dan Kedoktoran.

"Selain itu, YWP juga turut menanggung sepenuhnya kos peralatan pendengaran bernilai RM3,500 kepada seorang warga emas, Wan Hasmah Mohd Shariff, 72, selain sumbangan raya kepada 70 pelajar tahfiz dan 20 anak-anak yatim," ujar beliau.

YWP merupakan Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang telah ditubuhkan sejak tahun 1986 dan kini telah berusia 36 tahun.

Sementara itu, penerima Skim Bantuan Awal IPT, **Izzatul Sharafina Nur Amal**, 21, berterima kasih kepada YWP kerana bantuan



ANTARA wajah pelajar tahfiz yang gembira menerima sumbangan hari raya.

tersebut dapat meringankan beban mereka bagi membaiki komputer riba yang rosak.

"Keutamaan ketika ini adalah untuk membaiki komputer riba yang rosak bagi memudahkan urusan pembelajaran saya memandangkan kursus yang diambil

memerlukan penggunaan komputer riba sepenuhnya," ujarnya.

Manakala pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran At-Taqwa, **Ahmad Fadlan Hafiz**, 17, pula gembira dengan pemberian duit raya dan akan menggunakan sebaik mungkin atau ketika terdesak. **WK**

## Pelajar tahfiz, anak yatim serikan Majlis Hari Raya Aidilfitri YWP

HAZIRAH HALIM

**M**ERIAH. Itulah gambaran Majlis Hari Raya Aidilfitri Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang berlangsung pada (Selasa) lalu di Manhattan Ballroom bertempat di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Seramai 600 tetamu hadir meriahkan program yang bermula seawal pukul 12.30 tengah hari dan berakhir kira-kira pukul tiga petang yang dihadiri Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Sambil menikmati hidangan Aidilfitri dan mendengar cerita pengacara jemputan yang juga merupakan penyanyi dangdut popular iaitu Haiza Hanafi, tetamu juga turut dihiburkan dengan persembahan artis-artis popular tanah air.



PENYANYI Shifa Zikir hadir menghiburkan tetamu.



ANTARA tetamu yang memeriahkan Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri YWP.

Antaranya Khai Bahar, Baby Shima, Shiha Zikir, Adam AF2, Ifa Raziah, Zaiton Sameon, Datin Salwa Ab Rahman dan Datin Alyah yang menyanyikan lagu-lagu raya dengan irungan muzik kombo Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Program yang berlangsung dalam suasana gelang-gemilang itu juga turut diisi dengan penyerahan bantuan kepada warga Wilayah Persekutuan seperti Penyerahan Skim Bantuan Awal IPT, Penyerahan Bantuan Pemakan Sekolah Menengah, Penyerahan Biasiswa Sekolah Menengah (SSPN-i-PTPTN) serta Sumbangan Alat Pendengaran yang disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan.

Selain itu, YWP turut memberi sumbangan hari raya kepada 70 pelajar tahfiz dan 20 orang anak-anak yatim. Kesemua bantuan dan sumbangan yang diberikan ditaja sepenuhnya oleh YWP.

### LAGI GAMBAR DI MUKA 12

Antara tetamu kehormat yang turut hadir Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah; Pengurus Perbadanan Labuan; Datuk Seri Amir Hussein; Pengurus Perbadanan Kampong Baru, Datuk Affendi Zahari; dan Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadlun Mak Ujud. **WK**



SEORANG pelajar tahfiz (berdiri kanan) menerima sumbangan duit raya oleh Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada Majlis Hari Raya Aidilfitri YWP, Selasa lalu.



SERAMAI 600 tetamu seperti agensi-agensi Kementerian, wakil media dan kakitangan YWP serta KWP hadir memeriahkan majlis.



**PEMBUKAAN** Jejambat Jalan Tun Razak sepanjang 2.8 kilometer (km) ini membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan itu.



**SHAHIDAN** (tengah), Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah serta pengurusan tertinggi DBKL berbincang mengenai keadaan lalu lintas di kawasan Jalan Tun Razak.

Kurang kesesakan depan bangunan Tabung Haji

# Jejambat Jalan Tun Razak beroperasi

AZLAN ZAMBRY

**P**ENGGUNA jalan raya di Jalan Tun Razak yang sebelum ini sering berhadapan dengan kesesakan kini boleh merasakan nafas lega selepas jejambat yang bermula di persimpangan Jalan Langgak Golf berhadapan Kelab Golf Diraja Selangor menuju ke bulatan Kampung Pandan sudah boleh dilalui bermula Ahad lalu.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata pembinaan jejambat itu bertujuan mengurangkan kesesakan jalan raya pada waktu puncak.

"Jejambat ini juga bertujuan untuk memberi laluan kepada pemandu yang keluar dari Jalan Bukit Bintang dan juga bersambung ke lebuhraya MEX," katanya dalam sidang media semasa pelancaran jejambat itu pada Sabtu.

Shahidan menambah, kerajaan turut merancang untuk menghubungkan jejambat itu ke Lebuhraya Setiawangsa-Pantai yang kini sedang dalam pembinaan.

"Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama agensi sinya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan terus komited dalam menaik taraf sistem trafik,



**MENTERI** Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mendengar taklimat yang disampaikan oleh wakil kontraktor selepas melancarkan jejambat tersebut pada Sabtu.

pengangkutan awam dan pembangunan kemudahan lalu lintas bagi keselesaan rakyat khususnya warga kota.

"Komitmen ini adalah sejajar dengan matlamat kerajaan Keluarga Malaysia untuk menjadikan Kuala Lumpur antara bandar raya yang terbaik dari segi jaringan lalu lintas, selain mampu memenuhi keperluan serta aspirasi rakyat," katanya.

Dilancarkan pada 20 Julai 2017, projek bernilai RM492.5 juta itu sepatutnya telah siap pada 8 Julai

2019.

Bagaimanapun, projek itu mengalami beberapa kelewatan, antaranya disebabkan perintah kawalan pergerakan pada 2020 yang dikuatkuasakan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Jejambat tiga lorong sepanjang 2.8 km itu bermula di hadapan Kelab Golf Diraja Selangor sebelum berakhir di Kampung Pandan.

Hadir sama, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah. WK

## CERTA KEDAI KOPI

### Pantau harga barang naik

**MENJELANG** hari lebaran baru-baru ini, timbul isu kenaikan secara mendadak harga pelbagai jenis barang makanan, seperti dilaporkan oleh *Wilayahku*.

Kenaikan harga barang serta keperluan utama hari raya seperti daging dan ayam, dikatakan menjelaskan persediaan umat Islam, termasuk di Wilayah Persekutuan, membuat persiapan menyambut Aidilfitri.

Ini kerana apabila harga barang naik, dan aliran tunai di tangan berkurangan, tentu sahaja menjelaskan trend perbelanjaan. Akibatnya sama ada barang mampu dibeli dalam kuantiti sedikit atau pelbagai jenis barang 'dipancung' dari senarai belian. Hanya yang benar-benar perlu dibeli.

Selain itu harga tiket pengangkutan awam juga naik. Tambang kapal terbang ke Sabah dan Sarawak dikatakan naik berganda-ganda. Begitu juga dengan tambang bas. Kerajaan terpaksa campur tangan menangani isu kenaikan tambang ini.

Ada yang mendakwa kenaikan harga

barang berlaku berikutan keputusan kerajaan membenarkan pengeluaran caruman Kumpulan Wang Pekerja (KWSP) sebanyak RM10,000. Atas andaian orang ramai menjadi 'Orang Kaya Baru' (OKB), peniaga menaikkan harga barang.

Pengguna yang baru mendapat durian runtuh pula dikatakan tidak keberatan membayar harga walaupun dianggap tinggi. Maklum duit tengah banyak. Tidak mengapa mahal sedikit sebab mampu.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi tidak dapat mengesahkan sejauh mana benarnya andaian ini. Cuma laporan kenaikan harga memang benar dan gejala seperti ini tidak seharusnya berlaku ketika rakyat sedang bersiar-siar menyambut hari raya.

Dalam hubungan ini, kawan-kawan Kedai Kopi berharap pihak berkuasa akan sentiasa memantau tingkah laku peniaga yang sesuka hati menaikkan harga barang. Malah ada barang yang sudah ditetapkan harga siling oleh kerajaan dijual melebihi harga tersebut.

Orang ramai juga boleh menggunakan kuasa sebagai pengguna untuk tidak membeli barang yang dijual pada harga mahal. Cuma masalahnya jika barang tersebut memang diperlukan, malah tidak mau beli juga walau hati berbukti.

Dalam pada itu kawan-kawan Kedai Kopi meminta kerajaan mengawasi kegiatan orang tengah yang dikatakan menjadi durian daging berhubung isu kenaikan harga barang. Mereka

dikatakan menjadi *mastermind* kepada kegiatan ini.

Kempen 'Jihad Perangi Orang Tengah' yang dilaksanakan pada 2014 menampakkan kejayaan dalam membanteras aktiviti orang tengah. Kempen ini perlu diteruskan dalam usaha membendung peningkatan mendadak harga barang, khususnya makanan asas, di negara ini.

### PRU-15? Sabar dahulu!

**TIMBALAN** Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hassan menegaskan inilah waktu perbaik mengadakan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 ketika parti lawan dalam keadaan lemah dan kucar kacir.

Sebelum ini beliau pernah menyatakan PRU perlu segera diadakan ketika 'besi masih panas'. Ini ekoran kejayaan Barisan Nasional (BN) dan UMNO dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan Johor. Sebelum besi sejuk, PRU mesti diadakan.

Apa pun, kesimpulannya ialah beliau mahu PRU segera diadakan. Kemungkinannya ramai di kalangan pemimpin atasan UMNO juga senada dengan beliau.

Namun yang kawan-kawan Kedai Kopi perhatikan, bukan semua mahu PRU segera diadakan. Misalnya Ahli Parlimen Padang Rengas, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul

Aziz menegaskan kerajaan kini dalam kerajaan sempurna. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri juga melaksanakan tugas dengan baik. Justeru tidak harus diganggu gugat kestabilan ini.

Ini juga sejajar dengan titah Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, agar dikurangkan berpolitik. Sebaliknya segala usaha mestilah ditumpu dan digembangkan makmurkan negara dan mensejahteraan rakyat.

Memoradum Persefahaman (MoU) di antara kerajaan dengan pembangkang juga masih berkuat kuasa sehingga Julai ini. Selagi MoU ini berkuat kuasa, kestabilan kerajaan tetap bertahan. Malah ia boleh diperbaharui. Tamat MoU bukan bermakna PRU mesti diadakan.

Usaha yang dijalankan kerajaan di bawah pimpinan Ismail Sabri dalam merangka pelbagai projek pembangunan dan kebajikan untuk rakyat berjalan lancar. Seharusnya ia dibiarakan terus berjalan agar mencapai kejayaan diharapkan. Lupukan dahulu PRU pada masa ini.

Oleh itu bagi kawan-kawan Kedai Kopi, adalah lebih baik jika para pemimpin politik menekankan kepada kerjasama politik, kestabilan kerajaan dan kepentingan negara dan rakyat daripada terlalu memikirkan PRU yang akan menjelma juga apabila tiba masanya. Tempuh penggal parlimen akan berakhir Mei 2023 dan PRU pasti diadakan. Sehingga itu sabarlah.

# DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



**UTC**  
PUSAT TRANSFORMASI BAHARU

**TBS**  
TERMINAL BERSEPADU SELATAN

alamanda  
FUTRAJAYA

7 ELEVEN



**STesen SENTRAL**  
Kuala Lumpur

UNIVERSITI  
KEBANGSAAN  
MALAYSIA  
*The National University  
of Malaysia*

99 SPEEDMART®

**iKK!**  
BUKA 24 JAM



**JANGAN TERLEPAS EDISI BERCETAK DAN E-PAPER WILAYAHKU**  
**Wilayah Ku**



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

**wilayah Ku**  
MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE

26cm X 33cm  
**RM7,500**



HALF PAGE

26cm X 17cm  
**RM5,500**



QUARTER PAGE

12cm X 17cm  
**RM4,500**



PANEL PAGE  
[INNER]

26cm X 6cm  
**RM4,500**

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



**50,000** naskhab ahbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

# Pak Samad dan mogok seni



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**S**EWAUTU bersempang dengan beberapa kawan di Restoran Langkawi, Central Market, saya sudah terdengar isu Sasterawan Negara A Samad Said melancarkan mogok seni.

Ada juga yang bercakap tentang tindakan luar biasa Pak Samad. Tetapi ketika isu mogok seni mula diperkatakan agak lama juga saya tidak bertemu Pak Samad di Central Market.

Pada tanggapan saya tidak mungkin disebabkan mogok seni Pak Samad tidak menyusur di jalan-jalan di perut Kuala Lumpur seperti biasa. Atau berjumpa penulis-penulis muda di Central Market. Saya fikir mogok seni tidak termasuk perkara-perkara ini.

Saya cuba membayangkan lima tahun Pak Samad tidak menulis. Barangkali dalam jangka masa itu sudah dapat melahirkan satu atau dua novel. Tetapi bagaimana Pak Samad boleh hidup tanpa menulis? Terbukti beliau tidak boleh hidup tanpa menulis. Menulis itulah dunianya.

Ada yang berkata, Pak Samad tidak perlu mogok kerana beliau yang memilih menjadi sasterawan. Yang lain pula kata, Pak Samad ada hak untuk mogok.

Banyak sasterawan lain mungkin juga ada yang mogok, tetapi secara senyap. Tidak menulis bertahun-tahun. Malah ada yang tidak mogok sekali gus tidak menulis.


Itu bezanya Pak Samad dengan sesetengah sasterawan lain. Berhenti menulis tanpa melancarkan mogok tidak mencetuskan gelombang.

Pak Samad mahu mencetuskan gelombang – setidaknya menjadi percakapan tentang tindakan beliau. Malah yang penting isyarat itu sampai kepada birokrat sastera. Beliau mahu menghantar mesej ini melalui mogok seni.

Saya tidak menjangka pula isu mogok seni Pak Samad sampai kepada Ketua Pengarang Kumpulan, Zainuddin Maidin (Zam).

Tetapi tidak mustahil juga kerana Zam baik dengan Pak Samad walaupun mereka tidak pernah bekerja dalam satu pejabat.

Kalau tidak silap saya isu Pak Samad melancarkan mogok seni disiarkan beberapa akhbar



**PAK Samad hilang dari radar sastera selama lima tahun di mana beliau tidak menulis, hadir atau menyertai mana-mana acara sastera kerana melancarkan mogok seni.**

mingguan. Tetapi tidak ingat akhbar yang mana satu.

Pada dekad 1980-an dan 1990-an akhbar mingguan yang agak banyak dan popular walaupun tidak seperti akhbar arus perdana – Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Zam terpagut dengan tindakan Pak Samad. Beliau melihat ada desakan-desakan tertentu yang membawa pada mogok seni. Beliau melihat mogok seni sebagai keazaman besar seorang sasterawan untuk mengubah sistem supaya lebih baik.

Suatu petang dalam tahun 1990, Zam keluar dari biliknya dan meluru ke meja saya. Beliau bertanya adakah saya tahu mengenai Pak Samad yang telah melancarkan mogok seni?

Saya jawab, ada dengar daripada kawan tetapi belum mendengar daripada Pak Samad sendiri.

“Petang ni You pi jumpa Pak Samad, interview dia. Bawa jurugambar. Kita nak pakai muka satu esok.” Tegas sahaja arahan Zam kepada saya kemudian kembali ke biliknya.

Kalau tidak dapat macam mana, rungut saya sendirian. Pak Samad bukan suka duduk di rumah, suka merayap di segala urat nadi Kuala Lumpur.

Saya hanya ada lebih kurang dua jam sahaja untuk mendapatkan dan menulis berita mogok seni kerana *deadline* pukul 6 petang. Ketika itu lebih kurang pukul 4 petang. Itu antara syarat untuk berita muka satu.

Saya segera membuka buku telefon dalam beg sandang

mencari nombor telefon rumah Pak Samad.

Saya hanya ada rumah di Taman Seri Watan, Ampang. Pak Samad ada dua rumah, sebuah lagi di Subang Jaya.

Saya bimbang kalau Pak Samad tak ada di rumah kerana keluar berjalan-jalan di perut Kuala Lumpur seperti selalu. Tetapi memikirkan hari masih panas, tidak mungkin Pak Samad sudah keluar ke Kuala Lumpur.

Saya menelefon rumah di Ampang, kebetulan Pak Samad ada di rumah dan beliau yang menjawabnya.

Saya beritahu mahu *interview* pasal mogok seni dan mahu datang ke rumah di Ampang. Pak Samad dengan pantas menolak berjumput di rumah.

Beliau mencadangkan di Central Market sahaja. Katanya, “Bapak akan naik bas turun di tepi Central Market.”

Ketika itu Pak Samad baru sahaja meletak jawatan sebagai Pengarang Sastera di Berita Harian. Beliau mencongak dengan royalti semua karyanya di DBP, tidak ada masalah untuk hidup sebagai penulis sepenuh masa.

Kata Pak Samad, gaji di Berita Harian sekitar RM5,000 (tahun 1990-an nilainya tinggi) tetapi boleh hidup dengan pendapatan tidak sampai RM1,000 sebulan.

Tetapi menurut Pak Samad, beliau menghadapi masalah untuk mendapatkan royalti setiap bulan dari DBP. Ini kerana DBP tidak membayar royalti setiap bulan.

Saya beritahu Pak Samad, lima tahun tidak menulis suatu masa

yang panjang. Pak Samad segera membetulkan, bukan sahaja tidak menulis tetapi tidak akan hadir atau menyertai acara-acara sastera. Itu tujuan mogok seni. Maknanya Pak Samad akan hilang dari radar sastera selama lima tahun.

Saya menulis sebuah berita pendek untuk muka depan. Gambar Pak Samad sedang menggalas beg kanvas biru cair menjadi pilihan Zam. Itulah identiti Pak Samad – beg sandang kanvas, rambut panjang, baju T berkollar dan capal.

Isu mogok seni menjadi gelombang dalam dunia sastera selepas Utusan Malaysia menjadikan berita di muka depan. Walaupun bukan berita utama tetapi gambar Pak Samad sangat menonjol.

Jarang sekali isu berkaitan sastera dan budaya di muka depan. Zam menjadikan Utusan Malaysia berbeza dengan yang lain.

Memang benar, selama setahun Pak Samad tidak ada di majlis atau acara sastera. Tetapi mogok seni hanya bertahan selama setahun. Pak Samad kemudiannya mengakhirkannya mogok seninya.

Selepas menutup mogok seni Pak Samad melahirkan buku *Warkah Eropah*. Buku yang diterbitkan oleh DBP secara mewah berkulit keras. Memuatkan surat-surat peribadi yang dihantar kepada keluarga terutama anak bongsunya, Az sepanjang tiga bulan menjelajah beberapa negara Eropah.

Suatu pagi ketika bersarapan di restoran Langkawi, Central

**“Pak Samad mahu mencetuskan gelombang – setidaknya menjadi percakapan tentang tindakan beliau. Malah yang penting isyarat itu sampai kepada birokrat sastera. Beliau mahu menghantar mesej ini melalui mogok seni.”**

Market, Pak Samad menunjukkan fail yang penuh dengan surat-surat sepanjang di Eropah.

Tulisan tangan yang sangat cantik. Walaupun Az masih kecil ketika itu tetapi isu dalam surat-surat itu sangat tinggi.

Kata Pak Samad, “Johan (Tan Sri Johan Jaaffar) minta bapak bawa semua surat-surat ini.

Hendak dibukukan katanya. Bapak pun tidak tahu bagaimana. Ini kerja Johan.” Pagi itu Pak Samad dalam perjalanan ke DBP untuk berjumpa Johan yang ketika itu Ketua Bahagian Penerbitan DBP.

## SAJAK

### GURINDAM KIRA BANYAK

Kira banyak berkata-kata  
Di situ punca lahirnya dusta.

Kira banyak berkira-kira  
Di situ timbul rasa curiga.

Kira banyak berdolak-dalih  
Di situ mula rakan beralih.

Kira banyak bertangguh-tangguh  
Di situ mula tidak bersungguh.

Kira banyak berbolak-balik  
Di situ tanda niat tak baik.

Kira banyak bergaul mesra  
Di situ tahu siapa saudara.

Kira banyak bertegur-sapa  
Di situ punca usul keluarga.

Kira banyak saling membantu  
Di situ kenal rakan, seteru.

Kira banyak datang jemaah  
Di situ tempat satukan ummah.

Kira banyak kita berfikir  
Di situ minda tak mungkin fakir.

**Lara Pesona,**  
**Bukit Anak Dara, Kemasiik.**

[t.me/wilayahku](https://t.me/wilayahku)



IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



# Tindakan atasi banjir, warga kota lega

**S**ETIAP kali hujan lebat di Kuala Lumpur, kebimbangan melanda warga kota. Dalam minda mereka terbayang banjir akan melanda berdasarkan pengalaman sebelum ini di mana hujan lebat menyaksikan ibu kota dilimpahi air.

Sebelum ini ketika banjir berlaku, ibu kota dan beberapa kawasan di negeri jiran Selangor seperti Taman Seri Muda, teruk ditenggelami, mengembalikan kenangan banjir besar yang melanda ibu negara pada 1971.

Ada yang terkorban nyawa dalam kejadian ini selain kerosakan harta benda, termasuk kenderaan yang musnah sama sekali ditenggelami air. Jalan raya dan lebuh raya terputus hubungan, ramai terkandas.

Banyak rumah yang musnah atau rosak teruk dibawa lari arus deras. Strukturnya tidak dapat menahan aliran air yang begitu kuat, membawa bersamanya apa juga yang menghalang lalu.

Pada hemat Adi, peristiwa ini memberi pengalaman pahit yang menakutkan kepada warga kota. Ketakutan ini bertambah apabila beberapa kejadian hujan lebat selepas itu juga menyaksikan bandar raya terus diancam oleh banjir kilat di beberapa kawasan tertentu di ibu kota.

Kerana itulah pada waktu ini apabila guruh berdentum dan hujan mencurah semakin lebat, warga kota diresapi kebimbangan kawasan mana pula akan ditenggelami banjir. Apa pula harta benda yang mungkin rosak binasa.

Mereka bimbang jika ditimpa musibah ini, betapa sukar untuk menghadapi. Jika rumah kediaman rosak binasa bukan mudah untuk dibaiki atau didirikan semula. Jika kenderaan ditenggelami air, bukan murah kos untuk memperbaiki.

Malah kemungkinannya kenderaan itu tidak boleh dibaik pulih atau 'total loss'. Tentulah lebih perit terasa jika kenderaan tersebut tidak dilindungi oleh insurans. Membeli yang baharu bukan murah.

Justeru Adi sering mendengar luahan rasa warga kota yang ingin tahu tidak adakah apa-apa langkah diambil oleh Pihak Berkusa Tempatan, dan dalam hal ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), bagi mengatasi masalah banjir berterusan? Mereka mahu kesuruan mendapat jawapan.

Warga kota berharap jika langkah jangka panjang mengatasi masalah ini tidak dapat dilaksanakan segera kerana mengambil masa, sekurang-kurangnya ada pendekatan jangka pendek diambil sementara menunggu penyelesaian lebih tuntas dan menyeluruh.

Kerana itu warga kota



**ANTARA usaha dilakukan bagi mengekang banjir dengan penyediaan kolam tadahan banjir dan juga terowong SMART.**

gembira dan menyambut baik rancangan DBKL untuk melaksanakan beberapa pendekatan jangka pendek bagi mengatasi banjir di ibu negara.

Langkah ini diharap sekurang-kurangnya mampu menjadi penyelesaian masalah pada waktu mendesak ini.

Adi difahamkan, antara langkah jangka pendek atau interim ini ialah menambah baik longkang scupper (scupper drain), membina pam banjir (sump pump) baharu, meletakkan beg pasir serta membuang kekotoran dan kelokad di kolam takungan banjir.

Projek interim berharga RM10 juta yang dinamakan 'Pelan Tindakan Banjir Kilat 2022', diumumkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, pada sidang media awal bulan ini di DBKL. Projek ini bermula serta-merta.

Langkah yang diambil ini berdasarkan maklum balas masyarakat di kawasan yang

mudah terdedah kepada banjir, juga laporan banjir yang berlaku di 25 kawasan 'panas' di Kuala Lumpur pada 25 April.

Kawasan-kawasan tersebut antaranya ialah Kepong, Jalan Pintasan Segambut, Jalan Rahmat, Jalan Sultan Azlan Shah, Bulatan Datuk Onn, Dataran Merdeka, Kampung Kassipilay, Jalan Travers (Bangsar) dan Jalan Tun Sambanthan (Brickfields).

Pada kejadian 25 April itu, hujan lebat mengakibatkan ribuan warga kota terperangkap dalam banjir kilat yang menyebabkan lalu lintas tidak dapat bergerak langsung.

'Pelan Tindakan Banjir Kilat KL 2022' juga menggariskan beberapa lagi tindakan yang akan diambil. Antaranya memastikan keperluan tenaga kerja mencukupi.

Di samping itu, semua kemudahan logistik dipastikan dalam keadaan siap sedia jika berlaku ribut petir di kawasan yang sering terdedah banjir. Langkah ini untuk memastikan

**“Oleh itu, Adi dan warga kota berharap rancangan pencegahan banjir sementara oleh DBKL ini akan berjaya. Pihak DBKL menetapkan sehingga hujung tahun ini untuk melihat sama ada beberapa perancangan yang dibuat itu akan membawa hasil.”**

bantuan dapat digerakkan lebih pantas untuk mereka yang terperangkap dalam banjir.

Dalam hubungan ini Adi difahamkan, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) memainkan peranan penting dalam usaha membantu gerak kerja DBKL agar semuanya berjalan dengan licin dan lancar.

Dengan mengambil kira amaran cuaca yang dikeluarkan oleh jabatan tersebut, DBKL akan memastikan trafik warden berada di kawasan tertentu yang sering dilanda banjir untuk memantau lalu lintas. Mereka bertanggungjawab memesangkan pergerakan trafik ke laluan lebih lancar dan selamat.

Mereka yang telah memuat turun aplikasi DBKL MOBIS akan memperoleh mesej pesanan ringkas (SMS) serta-merta memberikan maklumat agar mengelakkan laluan tertentu. Perkhidmatan ini sudah bermula sekarang.

Yang belum memuat turun aplikasi ini jangan susah hati. Mereka juga akan mendapat pesanan SMS mengenai laluan selamat apabila berlaku banjir.

Ini kerana Adi difahamkan pihak DBKL sedang berusaha ke arah menyediakan perkhidmatan SMS tersebut, seperti dinyatakan oleh Datuk Bandar.

Masalah banjir kilat ibu kota dikira sebagai masalah berterusan. Namun segala usaha berterusan juga dilakukan untuk memastikan jika pun masalah ini tidak dapat diatasi sepenuhnya, sekurang-kurangnya ia dapat diminimumkan.

Sebelum ini pun sudah ada usaha dilakukan bagi mengekang banjir dengan penyediaan kolam tadahan banjir dan juga terowong SMART.

Namun barangkali dengan bertambah rancaknya pembangunan di ibu negara menyebabkan kawasan tadahan hujan juga berkurangan.

Kerana itu apabila berlaku hujan lebat berterusan beberapa hari, kolam tadahan atau terowong SMART tidak dapat menampung volume air yang melimpah. Begitu juga bumi tidak dapat menampung dan meresap air menyebabkannya melimpah

ruah.

Oleh itu, Adi dan warga kota berharap rancangan pencegahan banjir sementara oleh DBKL ini akan berjaya. Pihak DBKL menetapkan sehingga hujung tahun ini untuk melihat sama ada beberapa perancangan yang dibuat itu akan membawa hasil.

Namun pada peringkat awal, DBKL menetapkan jangka waktu tiga bulan sebagai penilaian awal sejauh mana keberkesanan program 'Pelan Tindakan Banjir Kilat KL 2022' berkenaan.

Pihak DBKL juga sudah melantik perunding bagi meneliti langkah tindakan yang diambil dalam pelaksanaan pelan tersebut serta mengemas kini secara berkala.

Hujan lebat dan banjir adalah kuasa Allah yang tidak boleh dihindar. Akan tetapi kita sebagai insan yang dikurniakan akal fikiran mesti berusaha dan bersiap sedia sepanjang masa untuk memastikan ia tidak memberi kesan yang terlalu memudaratkan.

Kerana itu dalam pelaksanaan apa-apa projek pembangunan di ibu kota, amat perlu dipastikan segala peraturan dipatuhi.

Jangan bertolak ansur dengan pemaju yang didapati sewenang-wenang melanggar peraturan seperti mencampak sisa buangan sesua hati sehingga menyekat kelancaran laluan air.

Dalam melaksanakan pembangunan, jangan sampai mengorbankan kolam tadahan dan jangan disumbat sungai dan saluran air dengan pelbagai sampah sarap. Warga kota mesti bersama-sama membantu mengatasi masalah banjir kilat.

**Adi—Suka main rakit**

*Adi Feah*

## SKETSA



**SAJAK**

### SAYAP INSANI

Malam menyaji sepi antara Isyak dan Subuh waktu mengalu qasidah sesal di atas sejадah istighfar meratib insaf.

Air mata adalah kata-kata di kalbu yang tersesat mencari hakikat cinta dan cahaya sahsiah.

Begitulah saban hari insaf bersayap insani terbang membawa syahada ke negeri taubat.

**Ibnu Arrazy**  
Kulai, Johor

Warga emas perlu alat bantuan pendengaran

# YWP tanggung kos perubatan RM3,500

DIANA AMIR

**K**ESIHATAN adalah perkara utama yang paling penting dan tidak boleh diukur dengan wang ringgit. Ia perlu dititikberatkan agar kehidupan dikecapi dengan lebih berkualiti bersama insan tersayang.

Mengakui hal tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Datuk Zaizalnizam Zainun** berkata pada tahun ini, pihaknya menerima pelbagai jenis permohonan sumbangan dari segi perubatan.

"YWP sentiasa mengambil berat dengan golongan yang memerlukan. Terbaharu, kita meluluskan satu kes bantuan perubatan dari segi alat bantuan pendengaran daripada seorang warga emas.

"Pemohon mempunyai masalah pendengaran dan sangat memerlukan alat tersebut untuk urusan sehari-hari. Oleh itu, Bahagian Pembangunan Komuniti bersatu-

ju untuk menanggung sepenuhnya kos pembelian bernilai RM3,500," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau, sebelum memutuskan bantuan secara *one-off* tersebut, pihaknya telah mengadakan lawatan ke rumah pemohon selain turut meneliti terlebih dahulu dokumen yang dihantar.

"Tiada kriteria khusus untuk mana-mana permohonan diluluskan kerana ia bergantung kepada keadaan pemohon. Namun, keutamaan akan diberikan kepada mereka yang mempunyai penyakit kronik, warga emas dan orang kurang upaya (OKU)," jelas beliau.

Kata beliau lagi, permohonan juga turut dilihat berdasarkan pendapatan selain warga yang menetap di Wilayah Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Tidak hanya peralatan perubatan, YWP juga turut memberi bantuan bernilai RM300 hingga RM500 secara tunai kepada mereka yang layak selain bakul makanan yang mengandungi barang asas.



ZAIZALNIZAM (kanan) menyampaikan sumbangan kepada pemohon bantuan YWP. - Gambar hiasan

"Meskipun tidak semua permohonan diluluskan namun YWP sentiasa melakukan usaha yang

terbaik dalam memastikan tida golongan yang tercicir untuk mendapatkan bantuan di ketiga-ti-



**ADUAN**

**DBKL**

Tel : 03-2617 9000



**Perbadanan Putrajaya**

Tel : 03-8000 8000



Aduan : 03-8887 3000

**Perbadanan Labuan**

Tel : 087-408600



Aduan : 087-408852

**Wilayahku**

WhatsApp

: 011-5958 7489

ga wilayah ini.

"Kita sentiasa bersedia dalam membantu mereka yang memerlukan dan bagi mereka yang ingin memohon sumbangan atau mengetahui maklumat lanjut, boleh layari laman sesawang YWP di <https://www.yayasanwp.org/>," ujar beliau. **WK**

## 25 guru 'luar biasa' seluruh negara dirai

SERAMAI 25 penerima Anugerah Guru Inspirasi McDonald's 2022 disenaraikan McDonald's Malaysia bersempena Sambutan Hari Guru yang diraikan setiap 16 Mei bagi menghargai para guru Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di atas komitmen yang 'luar biasa' dalam mendidik anak-anak bangsa negara.

Naib Presiden dan juga Ketua Pegawai Pemasaran McDonald's Malaysia, **Melati Abdul Hai** berkata memasuki tahun keenam penganjurannya, anugerah ini telah menerima lebih daripada 5,600 pencalonan mulai 10 Mac hingga 2 April 2022 dan terdapat peningkatan jumlah pencalonan sebanyak lebih 1,200 berbanding tahun lalu.

"McDonald's memperkenalkan anugerah tahunan ini sebagai salah satu inisiatif dan komitmennya dalam menyumbang kepada masyarakat di sekitar lokasi operasinya dengan mengiktiraf guru 'luar bi-

asa' yang memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan negara melalui pendidikan.

"Setiap guru adalah unik dan dapat memberi inspirasi secara tersendiri. Kisah luar biasa yang diterima adalah tanda komitmen tidak berbelah bahagi para guru dalam melaksanakan tanggungjawab mereka melebihi tugas-tugas hakiki demi mendidik murid-murid secara menyeluruh," katanya.

Turut hadir pada majlis tersebut Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin telah menyampaikan anugerah tersebut kepada 25 penerima.

Melati berkata sejak pertama kali dilaksanakan pada tahun 2017, Anugerah Guru Inspirasi McDonald's telah disampaikan kepada 131 guru yang menjalankan tanggungjawab melebihi tugas hakiki dalam mendidik, memotivasi dan memberi inspirasi kepada generasi masa hadapan negara.

"Para penerima anugerah ini telah dipilih oleh panel juri yang terdiri daripada wakil McDonald's, pegawai KPM dan pihak media.

"Pencalon untuk pemenang anugerah ini turut menerima bau-car hadiah McDonald's bernilai RM200 sebagai tanda penghargaan," jelasnya setiap pemenang menerima wang tunai RM5,000 dan sebuah trofi.

Kisah-kisah guru yang dicalonkan oleh rakyat Malaysia untuk Anugerah Guru Inspirasi McDonald's tahun ini boleh diikuti pada pautan [https://www.anugerahguruinspirasi.mcd.com/bm/view\\_nominate](https://www.anugerahguruinspirasi.mcd.com/bm/view_nominate).

Dalam pada itu, kesemua 318 restoran McDonald's di seluruh negara akan menganjurkan parti Hari Guru pada bulan Mei dan Jun ini. Kru restoran McDonald's bakal meraikan para guru dengan aktiviti permainan, sesi bergambar dan lain-lain lagi. **WK**



PENERIMA Anugerah Guru Inspirasi McDonald's 2022 bergambar di Universiti Malaysia Kelantan pada 14 Mei 2022, baru-baru ini.



## Reka bentuk 'Fresh Forward' akan datang di Subway

RANGKAIAN makanan segera Subway memeterai perjanjian francais induk baharu dengan Pegacorn Sdn Bhd untuk memperluas operasi jenama itu di Semenanjung Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Subway, **John Chidsey** berkata di bawah perjanjian ini sebanyak 500 lokasi Subway baharu akan dibuka di seluruh Semenanjung dalam tempoh 10 tahun akan datang sekali gus mengandakan jumlah restorannya di pasaran.

"Pasaran Asia Pasifik dan Asia Tenggara terus menjadi peluang besar buat Subway dan bahagian penting dalam strategi pertumbuhan antarabangsa kami.

"Pelanggan boleh menjangkakan untuk melihat peningkatan lokasi bukan tradisional Subway di seluruh Malaysia seperti lapangan terbang, hospital, stesen minyak dan kedai serbaneka,"

katanya.

Tambahnya, restoran sedia ada dan baharu akan menampilkan reka bentuk moden 'Fresh Forward' dan meningkatkan kemudahan untuk pengguna dengan pilihan pandu lalu serta Grab & Go baharu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Pegacorn, **Kin Siong Kon** berkata pihaknya gembira dengan peluang untuk menerajui pertumbuhan Subway di Semenanjung Malaysia serta meningkatkan kesedaran antarabangsa mengenai jenama itu.

Perjanjian ini merupakan kerjasama ketiga Subway di Asia Tenggara susulan perjanjian francais induk baru-baru ini di Indonesia dan Thailand yang akan meningkatkan jumlah komitmen restoran pada masa depan dengan ketara di rantau ini. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

# RODA KOTA

20 - 26 MEI 2022 . BIL 164

Wilayah Ku



## Jihad bersihkan Kuala Lumpur



AZLAN ZAMBRY

### UNIT FOTO DBKL

D I sebalik jutaan ringgit yang telah dibelanjakan dan masa yang telah diperuntukkan, kerja-kerja membersihkan bandar raya

Kuala Lumpur tidak pernah dihentikan. Pekerja pembersihan pula tekun melaksanakan tugas bagi menjadikan kota raya ini bersih dari sampah, namun sikap warga kota yang tidak bertanggungjawab seringkali 'merosakkan' perancangan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menjadikan bandar raya ini bersih.

Sebut sahaja mengenai kempen-kempen kebersihan,

sejak awal Kuala Lumpur ini ditadbir melalui Pesuruhjaya Ibu Kota sehingga kini dikenali sebagai DBKL, masalah sampah tidak berkurangan, bahkan ia menjadi semakin besar lebih-lebih lagi dengan kebanjiran warga asing yang turut bekerja di bandar raya ini.

Entah di mana silapnya apabila bandar raya yang dihuni lebih lima juta penduduk ini dilihat seolah-olah

memandang ringan mengenai kebersihan. Kutu sampah pula bermaharajalela tanpa memikirkan kesan kepada alam sekitar sehingga DBKL terpaksa memperkenalkan zon bebas sampah di beberapa kawasan.

### BERSAMBUNG KE MUKA 11

Banjir kilat yang berlaku sejak akhir-akhir ini pastinya meresahkan warga kota.

Sememangnya faktor perubahan iklim serta taburan air hujan yang meningkat menjadi punca perkara itu berlaku dan ia bukanlah di bawah kawalan manusia, lebih-lebih lagi DBKL yang ditugaskan menjaga ibu kota ini.

Selain itu, DBKL juga sering dijadikan 'punching bag' apabila isu sampah dan banjir kilat dilihat sebagai kegagalan pentadbir bandar raya itu.





**KEMPEN CUCI KL** yang bermula 6 Mei lalu telah mengumpulkan 220 kilogram sampah yang dikutip di sepanjang siar kaki, scupper drain dan longkang di kawasan yang ditetapkan.

#### KUAT KUASA UNDANG-UNDANG HUKUM KUTU SAMPAH

MESKIPUN perbuatan membuang sampah merata-rata adalah perbuatan yang tidak wajar dan tidak bertanggungjawab, boleh dikatakan ia masih diterima secara sosial. Ini mungkin disebabkan penguatkuasaan undang-undang yang masih lemah sehingga menyebabkan segelintir individu yang tidak bertanggungjawab berani membuang sampah merata-rata.

Disebabkan penguatkuasaan undang-undang yang lemah, ia membuka peluang kepada kutu sampah bermaharajalela sekali gus menyukarkan pihak DBKL mengekalkan kebersihan bandar raya ini.

Pihak berkusa wajar

mencontohi Singapura yang mengenakan tindakan tegas terhadap golongan ini sekali gus berjaya mengekalkan kebersihan alam sekitar dan menjadi contoh kepada negara luar.

#### SHAHIDAN ILHAM PROGRAM CUCI KL

TABIAT membuang sampah merata-rata serta tidak menjaga kebersihan telah menyumbang kepada risiko banjir kilat kerana longkang dipenuhi sampah menyebabkan ia tersumbat dan menyumbang kepada jumlah *hot spot* banjir kilat.

Untuk mengatasi masalah itu, Menteri Wilayah Persekutuan,



NORHAYATI

Datuk Seri Dr Shahidan Kassim tampil mengilhamkan Kempen Cuci KL sebagai jihad untuk mencuci seluruh bandar raya ini dari sampah dan kotoran.

Inisiatif ini lahir selepas beberapa siri banjir kilat yang melanda ibu negara sejak dari Disember 2021 yang menyaksikan banyak sampah sarap mengalir disebabkan oleh longkang dan sistem perparitan yang tidak lagi efektif untuk menampung aliran air ke sungai berhampiran.

Menurut Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, **Norhayati Mat Said** berkata Kempen Cuci KL yang diilhamkan Shahidan merupakan inisiatif



**AKTIVITI CUCI KL** turut turut dijalankan pada waktu malam bagi mengambil langkah awal menangani masalah banjir kilat yang sering berlaku.

membersihkan kawasan *hot spot* bagi mengurangkan risiko banjir kilat.

"Kempen ini telah dilaksanakan buat julung kalinya pada 6 Mei yang lalu di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur dan dilaksanakan secara meluas di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana ia memberi impak yang baik terhadap kebersihan persekitaran Kuala Lumpur.

"Selain itu, ia juga sebagai langkah pencegahan bagi berlakunya banjir kilat disebabkan sampah dan scupper drain tersumbat," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Jelas Norhayati, kempen ini dilaksanakan sebagai satu simbolik keutuhan konsep Keluarga Malaysia di mana semua pihak sama-sama menggalas tanggungjawab dalam mencegah

dan memastikan punca banjir kilat diatasi.

"Program ini melibatkan kerjasama pelbagai jabatan dalam DBKL termasuk agensi luar iaitu SWCorp, Alam Flora Sdn Bhd dan NGO serta MPP."

"Ia juga dilaksanakan secara berjadual iaitu dua kali seminggu, Jumaat dan Ahad dengan anggaran seramai 150 orang peserta bagi setiap program," katanya.

Norhayati berkata, sejak kempen tersebut dilaksanakan, pihaknya berjaya mengumpulkan kira-kira 220 kilogram sampah yang berisiko menjadi punca kepada longkang tersumbat.

"Antara jenis sampah yang dapat dikutip adalah kertas, botol, tin, sisa makanan, pakaian, barang plastik dan lain-lain," katanya. **W** **K**

# Kempen Cuci KL bukti DBKL serius tangani masalah kebersihan

**SEBAGAI** kawasan yang termasuk di dalam *hot spot* banjir kilat, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Parlimen Titiwangsa menyambut baik inisiatif yang diilhamkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dalam mencari penyelesaian jangka pendek masalah banjir melalui Kempen Cuci KL.

Pengerusinya, **Datuk Azizul Rahman Mohd Hussain Malim** berkata meskipun kempen yang sama telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak dahulu, inisiatif ini lebih berfokuskan kepada kebersihan dan menangani banjir kilat.

"Ketika awal-awal program ini dianjurkan di Brickfields beberapa minggu lalu, kita dapat lihat secara jelas mengenai masalah sistem perparitan yang tersumbat akibat sampah serta timbunan

tanah dan pasir yang memenuhi longkang.

"Inisiatif tersebut akan membersihkan longkang supaya aliran air akan lebih lancar dan boleh mengelakkan risiko banjir

kilat terutama di kawasan *hot spot*," katanya ketika dihubungi *Wilayahku* pada Rabu.

Menurut Azizul Rahman, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan DBKL telah mewujudkan hampir 150 hingga 200 sukarelawan di setiap kawasan parlimen di Kuala Lumpur untuk melancarkan lagi program tersebut.

"Apabila program yang dilakukan dua kali dalam seminggu, sebahagian mereka akan turun padang bersama yang turut disertai DBKL, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan



**KEMPEN CUCI KL** merupakan antara rancangan jangka pendek untuk menangani masalah banjir kilat di 28 kawasan *hot spot*.


Rakyat Malaysia (RELA) untuk membersihkan kawasan yang telah disasarkan," katanya.

setempat dan ia mesti melibatkan penduduk di satu-satu kawasan penempatan.

"Ia bertujuan memberikan kesedaran dan pada masa sama apabila aktiviti dilakukan, mereka akan dapat melihat dan secara tidak langsung mengetahui bahawa tindakan yang diambil ini adalah serius dan mereka akan menghargai usaha kita."

Dalam pada itu, Azizul Rahman turut menyifatkan bahawa warga tempatan mempunyai kesedaran sivik yang jauh lebih baik berbanding dahulu terutama melibatkan pembuangan sampah.

"Saya yakin kerana ramai orang luar datang ke Kampung Baru dan kita dapat lihat banyak tong sampah berada di lokasi yang mudah diakses malah jarang sangat dapat lihat pengunjung membuat sampah keluar dari kenderaan mahupun di siar kaki," katanya sambil menambah sebarang penganjuran program adalah tertakluk kepada jadual yang dikeluarkan oleh KWP. **W** **K**



AZIZUL



SELEBRITI, Aina Abdul ketika menyampaikan lagu Kempen Cuti-Cuti Malaysia versi kedua berjudul 'Menemui Semula'.



NANCY (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran di Hotel Sheraton, Petaling Jaya Selasa lalu.

# MOTAC sasar lebih RM2 juta pakej pelancongan terjual tahun 2022



**SYUQQREE MOHD DAIN**

**K**EMENTERIAN Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Tourism Malaysia telah melancarkan Pelan Pemulihan Pelancongan 2022, selari dengan fokus kerajaan untuk memperkasakan pelancongan domestik negara.

Menyertai pelancaran ini bertujuan menarik minat orang ramai untuk terus membuat tempahan tiket pengangkutan atau pakej pelancongan pada harga diskaun istimewa.

Dianggarkan seramai 14,925 rakyat Malaysia atau pemegang MyKad layak menebus sekali sahaja diskaun ini dan pengguna bakal menerima manfaat dengan sasaran penjualan

pakej percutian keseluruhan bernilai RM2,985,000.

Turut dilancarkan pada Selasa lalu ialah lagu Kempen Cuti-Cuti Malaysia versi kedua berjudul 'Menemui Semula' yang dinyanyikan oleh artis popular tanah air iaitu Aina Abdul yang bergenrekan pop etnik. **W.K**



MENTERI Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri berucap ketika melancarkan Pelan Pemulihan Pelancongan 2022 dan lagu Cuti-Cuti Malaysia versi kedua.





MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mengetuai barisan ketua-ketua agensi menyerahkan sumbangan dalam Majlis Hari Raya Aidilfitri YWP.

## 600 tetamu hadir Majlis Hari Raya Aidilfitri YWP



AMIN FARID HASAN

**P**ASCA endemik COVID-19 kembalikan semula kemeriahannya Majlis Hari Raya Aidilfitri YWP anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bertempat di Hotel Berjaya Times Square dirasai apabila 600 tetamu hadir.

Kemeriahannya majlis ini juga dilengkapkan lagi dengan sumbangan berjumlah lebih dari RM3.5 juta kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

(PTPTN), 112 sekolah menengah dan juga berkongsi rezeki bersama anak-anak yatim dan pelajar tafhib yang turut dijemput.

Antara jemputan yang hadir bagi memeriahkan majlis adalah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, agensi-agensi kerajaan daripada DBKL, PPJ, PL, MSWP, PKB, PTG, MAIWP, JAWI, JKM, Jabatan Penerangan WPKL, syarikat-syarikat korporat dan rakan strategik serta pelbagai

individu luar selama ini kepada YWP juga kakitangan anak-anak syarikat YWP.

Beberapa selebriti juga turut hadir dan memeriahkan majlis dengan memberikan persembahan yang menarik antaranya, Datuk Seri Aliff Syukri bersama isteri Datin Seri Shahida, Datin Salwa bersama suami Datuk Subadron Aziz, Datin Alyah, Zaiton Sameon, Ifa Raziah, Baby Shima, Khai Bahar, Shiha Zikir, Adam AF2 dan Ayu Damit. **WK**



ANTARA sebahagian selebriti yang turut hadir bagi memeriahkan majlis.



KETUA Pegawai Eksekutif, Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun (baju hijau) bergambar bersama pelajar-pelajar tafhib di Majlis Hari Raya Aidilfitri YWP.





## Jejambat Jalan Tun Razak kurangkan tekanan pengguna



AMIN FARIJ HASAN

**P**ADA 14 Mei lalu, jejambat yang menghubungkan Jalan Tun Razak ke Bulatan Kampung Pandan telah dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** dan

telah dibuka kepada pengguna jalan raya tepat jam 12.01 minit pagi 15 Mei 2022. Ia dibina bagi mengurangkan kesesakan jalan raya di kawasan tersebut. Pengguna jalan raya dari arah Jalan Bukit Bintang juga boleh melalui jejambat ini.

Projek jejambat sepanjang 2.8 km yang dilancarkan pada 20 Julai 2017 ini dengan nilai keseluruhan RM492.5 juta juga menghubungkan jalan

masuk ke lebuh raya MEX arah Putrajaya dan Kampung Pandan.

Menurut Shahidan, ada perancangan yang sedang dibuat bagi melegakan lagi ketegangan aliran trafik di Kuala Lumpur pada waktu puncak dengan menghubungkan jejambat itu ke Lebuhraya Setiawangsa-Pantai yang sedang dalam pembinaan. **WK**



**PEMANDANGAN**  
jejambat tiga lorong yang dibina untuk mengalihkan aliran trafik bagi mengurangkan kesesakan di Jalan Tun Razak.



# "Saya mohon maaf, niat saya nak hiburkan anda" – Aliff Syukri



DEEL ANJER

**S**ELEBRITI popular yang juga ahli perniagaan, **Datuk Seri Aliff Syukri** mengaku agak trauma dan serik susulan pengalamannya disiasat berhubung video muzik lagu raya nyanyiannya berjudul Kelepek Raya.

Baru-baru ini Aliff memberi kerjasama dengan hadir ke pejabat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia di Cyberjaya bagi memberi keterangan dan merakamkan percakapan berkaitan video muzik tersebut.

"Saya insan biasa, jujurnya agak trauma dengan apa yang berlaku dan akan cuba perbaiki



diri saya. Sesi tersebut berjalan kira-kira lima jam. Dari pukul 10 pagi hingga 3 petang. Ini pengalaman pertama saya ke sana kerana isu muzik video.

"Apa pun saya berterima kasih kerana mereka melayan saya dengan baik. Ia masih lagi dalam siasatan dan saya tidak mahu berikan apa-apa kenyataan sebab risau andai tersalah cakap," katanya.

Hero filem Badang itu turut memohon maaf dan tidak menafikan naskah berkenaan dilancarkan sebagai sajian hiburan semata-mata.

"Bagi saya, mereka buat siasatan kerana terima aduan yang terlalu banyak. Daripada pihak saya, saya mohon maaf kepada semua pihak yang tidak senang dengan lagu atau muzik video berkenaan.

"Niat saya hanya untuk menghiburkan anda sahaja," katanya ketika ditemui di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Yayasan Wilayah Persekutuan di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur, pada Selasa lalu.

Aliff pada masa sama akui tidak pernah menjangka lagu raya berkenaan mendapat perhatian ramai pihak hingga mencetuskan isu yang besar.

"Saya tak jangka boleh sampai ke tahap itu. Saya ingat ia hanya sekadar hiburan dan tidak ambil itu sebagai suatu yang serius," ujar Aliff lagi.

Terdahulu, video berkenaan melalui media sosial mendapat kecaman ramai pihak berikutnya ia memaparkan sekumpulan penari lelaki bersolek dan berperwatakan lembut dengan tarian mencolok mata yang dikatakan kurang sesuai untuk tontonan ramai lebih-lebih ketika di bulan Ramadan. **WK**



## Adam AF2, Zaiton Sameon kagum usaha YWP bantu warga Wilayah Persekutuan

**PADA** Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) baru-baru ini, anak-anak yatim, tahniz dan golongan asnaf diberikan bantuan untuk kehidupan yang lebih baik.

Artis popular **Adam AF2** yang turut hadir membuat persembahan pada majlis tersebut, mengaku bangga dan mengagumi usaha YWP yang sentiasa peka dengan masyarakat.

"Kita semua tahu, anak-anak ini adalah penyambung tumpukan kepimpinan pada masa akan datang. Berbekalkan ilmu agama, mereka lah yang akan

memimpin generasi muda lain untuk sentiasa hidup berpaksikan iman," ujar Adam.

Katanya lagi, di kala banyak keruntuh akhlak dalam kalangan remaja, sokongan YWP terhadap anak-anak tahniz menggalakkan remaja lain untuk mendalami Al-Quran.

"Iyalah, tanpa sokongan daripada pihak luar seperti YWP, agak sukar untuk pusat tahniz berkembang. Saya harap pihak lain turut mencontohi usaha ini," katanya yang mempersembahkan lagu Seloka Hari Raya bersama Baby Shima pada majlis tersebut.

Manakala **Zaiton Sameon** menganggap bantuan alat pendengaran yang diberikan YWP memberi sinar baharu kepada golongan sasaran.

"Semua pun tahu pentingnya pendengaran dalam kehidupan. Bayangkan, tanpa pendengaran yang sempurna, macam mana individu itu nak jalani kehidupan sehari-hari."

"Saya yakin, dengan bantuan yang diberikan sudah tentu akan memberikan kesan positif yang berpanjangan pada kehidupan mereka yang mengalami masalah pendengaran," ujar Zaiton Sameon yang turut menghiburkan para tetamu di majlis hari raya tersebut. **WK**



# Kuarantin penyakit HFMD sama seperti COVID-19



PENYAKIT HFMD disebabkan oleh virus yang dikenali sebagai enterovirus meliputi Coxsackie Virus A16 (COX A16) dan Enterovirus 71 (EV 71).

**PROF MADYA DR MALINA OSMAN**

**J**ANGKITAN penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD) dalam kalangan kanak-kanak kembali menular dalam julat angka begitu tinggi dalam tempoh beberapa minggu berbanding tahun lalu.

Pada tahun ini sehingga penghujung April lalu, sebanyak 22,463 kes HFMD dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara berbanding 1,752 pada tempoh sama tahun lalu, sekali gus menunjukkan peningkatan hampir 13 kali ganda.

Sepanjang tahun ini juga sejumlah 767 wabak dalam lokality setempat direkodkan, tiga negeri tertinggi yang melaporkan kes HFMD ialah Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Perak.

HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berusia kurang 12 tahun tetapi pesakit kurang enam tahun adalah majoriti dijangkiti.

Ia ditandai demam panas, diikuti ruam lepuh (*blisters*) pada bahagian mulut, tangan dan kaki. Gejala lain termasuk letih dan tidak bermaya.

Akibat ruam lepuh kemudian menjadi ulser di dalam mulut, pesakit kanak-kanak biasanya enggan mengambil makanan dan mengalami kesukaran untuk menelan.

Dari segi klinikal, meskipun gejala dan impak HFMD tidak teruk berbanding jangkitan COVID-19, demam panas dalam kalangan pesakit HFMD terdedah kepada risiko sawan dan komplikasi sistem saraf jika gagal dirawat sebaik-baiknya.

Sebahagian kecil pula boleh mendapat komplikasi serius, iaitu radang pada jantung, paru-paru atau otak yang memerlukan rawatan intensif serta terdedah



PENULARAN jangkitan penyakit HFMD dalam kalangan kanak-kanak bawah usia tujuh tahun di empat negeri kini sudah melebihi paras amaran.

kepada risiko kematian.

HFMD ditularkan melalui sentuhan cecair tubuh seperti air liur, hingus, kahak dan najis mereka dijangkiti atau kontaminasi silang dengan permukaan tercemar oleh cecair badan berkenaan.

Jika dibandingkan penularan COVID-19 melalui sentuhan cecair dari mulut dan hidung serta kemungkinan melalui udara dalam ruang tertutup, HFMD lebih banyak disumbangkan melalui sentuhan fizikal dengan permukaan tercemar daripada mereka sudah dijangkiti serta tidak menitikberatkan kebersihan.

Hal ini memerlukan kefahaman masyarakat sudah dibiasakan dengan pencegahan COVID-19 tetapi terlupa dengan kemungkinan jangkitan lain, terutama HFMD.

Disebabkan ia boleh ditularkan melalui najis, kebersihan di tempat persalinan bayi di tandas atau tempat awam serta aspek penukaran lampin pakai buang perlu dilakukan dengan berhati-hati serta menurut garis panduan disyorkan.

Ibu bapa atau penjaga

diingatkan membersihkan kanak-kanak dengan air dan sabun selepas buang air kecil, besar atau menukar lampin pakai buang, selain turut membersihkan tangan mereka sendiri.

Malah, kanak-kanak berkenaan juga perlu dilap hingga kering bagi memastikan permukaan itu benar-benar bersih, manakala penggunaan tisu basah dan *hand sanitizer* sahaja tidak disyorkan sama sekali kerana tidak memadai.

Sempena musim rumah terbuka Syawal ini, ibu bapa yang anak mereka

disahkan diagnosis HFMD perlu mengamalkan kuarantin, iaitu tidak membawa anak mereka keluar dari rumah untuk berjalan-jalan ke tempat awam seperti pusat beli-beli, balik kampung, beraya dan tempat rekreasi.

Hakikatnya, kuarantin HFMD juga sama seperti COVID-19, iaitu keluar dari tempat kuarantin adalah tidak dibenarkan.

Ibu bapa atau penjaga diberi cuti kuarantin perlu memanfaatkannya untuk memberikan tumpuan penuh terhadap rawatan anak dijangkiti HFMD. Cuti kuarantin bermaksud tinggal di rumah seperti diarahkan hingga anak pulih sepenuhnya dan bebas daripada tanda serta gejala HFMD.

Melanggar arahan kuarantin bermakna sengaja menyebarkan jangkitan HFMD kepada masyarakat. Laporan tidak rasmi di lapangan menunjukkan ada individu memanfaatkan cuti kuarantin untuk terus 'memeriahkan' sambutan hari raya.

Ketidaaian sistem pemantauan dalam MySejahtera untuk mengawasi pergerakan mereka yang dijangkiti turut membolehkan jangkitan terus berlaku meskipun cuti kuarantin diberikan.

Oleh itu, individu diberi cuti kuarantin perlu mengambil sikap bertanggungjawab demi mengelakkan penularan terus berlaku termasuk di tempat kerja.

Kita sangat mengharapkan sifat

**“ Jika dibandingkan penularan COVID-19 melalui sentuhan cecair dari mulut dan hidung serta kemungkinan melalui udara dalam ruang tertutup, HFMD lebih banyak disumbangkan melalui sentuhan fizikal dengan permukaan tercemar daripada mereka sudah dijangkiti serta tidak menitikberatkan kebersihan.**

amanah dan tanggungjawab dalam kalangan ibu bapa serta semua terabit dalam membantu mengekang penularan.

Bagi tujuan pencegahan, ibu bapa yang mempunyai anak masih sihat dinasihatkan untuk mengelakkan daripada membawa anak ke tempat tumpuan awam atau kawasan mempunyai banyak interaksi fizikal dengan elemen persekitaran seperti taman permainan.

Ini kerana terdapat kemungkinan individu dijangkiti HFMD bermain di kawasan berkenaan hingga meninggalkan sebahagian cecair tubuh.

**Penulis adalah Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Putra Malaysia (UPM).**



# Tampil indah ke rumah terbuka

**S**ETELAH dua tahun tidak berkesempatan pulang beraya akibat pandemik COVID-19, sambutan Syawal tahun ini kembali meriah dan penuh warna-warni apabila berpeluang meraikannya seperti sediakala.

Malah dua minggu terakhir bulan Syawal diserikan pula dengan kemeriahan rumah terbuka. Jemputan di sana sini pasti lebih bermakna apabila

menggaya koleksi terbaru daripada *Charisma by Summer Love*.

Selain keselesaan yang sempurna, koleksi ini penuh simbolik kepada kerinduan sambutan hari raya seperti waktu dulu yang selamanya dekat di hati kita.



Hijab begitu dekat di hati wanita. Sempena lebaran ini *Charisma by Summer Love* mengekspresikan corak tudung khas dengan elemen-elemen pilihan seperti *porcelain*, bunga sakura dan awangan yang cukup istimewa.



Koleksi kaftan dipadankan bersama skirt panjang polos bercorak batik atau *instant pareo* untuk sambutan Aidilfitri kali ini dengan penampilan yang berbeza. Pemilihan rekaan ini bagi menghargai keindahan batik yang membawa erti tradisi untuk kenangan yang tidak mungkin terlupakan.

**SUMMER LOVE**

Koleksi busana:  
[www.summerlove.co](http://www.summerlove.co)



Tunik labuh juga boleh dijadikan pilihan pada hari lebaran buat anda yang inginkan sedikit kelainan semasa menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri. Boleh dipadankan dengan skirt labuh atau seluar mengikut keselesaan dan *mood raya* masing-masing.

**"1001 dugaan dan cabaran namun saya bersyukur dipertemukan dengan mereka"**

# Kisah Guru Pendidikan Khas Setapak



SABRINA SABRE

**S**ABAN tahun, Sambutan Hari Guru bukan sahaja menjadi acara wajib yang dianjurkan di seluruh negara, bahkan ia turut diraikan secara meriah dengan pelbagai aktiviti diatur khusus buat golongan pendidik ini.

Sambutan diadakan biarpun secara sederhana namun penuh bermakna sekali gus menjadi kenangan terindah yang kekal terpahat dalam memori insan yang rela membakar diri untuk menerangi orang lain.

Berkongsi pengalaman sebagai guru pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Setapak (SMKPKS), **Saiful Amir Che Hamid**, 39, dia teruja dapat menyambut bersama pelajar berkeperluan khas kurang upaya penglihatan.

"Alhamdulillah sambutan di SMKPKS kembali meriah. Kami semua sangat teruja kerana pada tahun ini dapat menyambut secara bersemuka selepas dua tahun meraikannya secara maya sahaja.

"Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh pentadbiran sekolah bagi mewarnai keceriaan pada tahun ini. Walaupun pelajar kami mempunyai kekurangan dari segi penglihatan, saya sangat gembira dan bersyukur kerana mereka sangat menghargai kami para guru," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Berita mengenai pengalamannya bergelar guru pendidikan khas, baginya mengajar pelajar kurang upaya pastinya berdepan dengan 1001 dugaan dan cabaran



*ANTARA pelajar yang mengikuti kelas kraf tangan manik dibimbing oleh Saiful.*

tersendiri tetapi beliau bersyukur serta gembira kerana dapat merealisasikan cita-cita yang diidamkan.

"Cabaran mengajar pelajar kurang upaya tidak seperti mengajar pelajar normal kerana mereka pelajar istimewa. Ada yang lambat, sukar memahami apa disampaikan dan perlu diajar berulang kali. Sungguhpun begitu, saya seronok.

"Jika diberi peluang dan melalui saluran yang betul, mereka boleh melakukan sama seperti pelajar aliran perdana malah tidak mustahil lebih baik. Mereka juga ada kecenderungan, potensi dan bakat tertentu yang boleh digilap," tambahnya.

Antara cabaran besar lain yang dihadapinya adalah ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dia perlu melaksanakan pembelajaran secara atas talian menggunakan *Google Meet* dan memberi latihan melalui aplikasi *WhatsApp Group* bersama penjaga.

"Ada ibu bapa dan penjaga positif membantu pelajar untuk membuat kerja sekolah namun ada juga senyap, diam seribu bahasa. Boleh kata maklum balas diterima 50-50. Selain kekangan kemudahan telefon, kebanyakannya pelajar juga agak sukar untuk mengikuti kaedah pembelajaran dari

rumah.

"Sungguhpun begitu, perjuangan mendidik tetap diteruskan. Sebagai guru, kami umpama wira di mata pelajar. Tumbang kami, tumbanglah anak-anak di SMKPKS. *Insya-Allah* saya akan terus menyumbang bakti dan tenaga untuk mendidik mereka, selain berharap ibu bapa akan terus memberi kerjasama dan menyokong usaha kami," katanya.

## KORBAN APA SAHAJA

**BERCERITA** tentang penglibatan dalam bidang pendidikan, pada awalnya bekas pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini memulakan langkah sebagai pelajar berjurusan Sains Sosial dan Kemanusiaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) namun mengambil keputusan untuk menukar ke jurusan Pendidikan Khas ketika berada di semester dua.

"Alhamdulillah, saya berjaya menghabiskan pengajian pada tahun 2008 atas dorongan dan sokongan daripada ibu, Saniyah Dahalan, 67, dan bapa, Che Hamid

Salleh, 76. Doa ibu bapa yang ingin melihat saya bergelar guru membuka jalan mudah kepada permulaan kerjaya dalam bidang pendidikan ini.

"Sehingga hari ini tidak pernah terlintas sedikit pun perasaan jemu malah saya semakin seronok dikelilingi para pelajar," katanya yang sudah menabur bakti di SMKPKS hampir 15 tahun.

Mengulas tentang tema Hari Guru tahun ini iaitu 'Guru Tunjang Sekolah Sejahtera', Saiful berkata guru merupakan tunjang terpenting dalam sistem pendidikan negara yang berperanan sebagai penyampai ilmu selain melahirkan pelajar bersahsiah serta berdaya saing melalui penjiawaan amalan baik.

"Bagaimanapun, konsep cinta dan berguru dengan ilmu perlu diterapkan juga dalam diri setiap pelajar supaya mereka sentiasa mencari ilmu tanpa perlu disuruh bukan hanya bertujuan untuk lulus peperiksaan. Mereka harus meneroka ilmu baharu yang pada akhirnya nanti akan melahirkan generasi mampu mengeluarkan idea dan mencipta produk serta perkhidmatan baharu."

"Setiap tahun, semakin ramai pelajar istimewa dan kurang upaya menunjukkan prestasi luar biasa dalam bidang akademik, di samping tidak kurang juga menonjol dalam aktiviti kokurikulum. Ini bukti kejayaan sistem pendidikan khas negara dalam usaha mengasah potensi murid yang memerlukan perhatian dan bimbingan khusus terutama pada peringkat awal persekolahan.

Katanya lagi, masing-masing mempunyai peranan dari segi keupayaan, kepakaran, kreativiti dan inovasi tersendiri dalam membantu memajukan komuniti.

"Ia umpama membina sebuah bangunan yang mana setiap individu itu mewakili batu bata. Jika salah satu batu digunakan tidak berfungsi, maka struktur binaan tidak sempurna dan kukuh.

"Atas faktor tersebut, kita perlu menghalau persepsi negatif. Sebaliknya, menyemai nilai positif terhadap setiap ahli masyarakat termasuk golongan OKU. Lagipun, harus disedari berkat sokongan dan kerjasama antara satu sama lain, kita akan melahirkan kelompok masyarakat yang maju dan membangun," katanya. **W.K**



**SAIFUL** (tengah, belakang) bergambar kenangan bersama rakan sekerja di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas Setapak.



# MEDIA WARGA KOTA

# Dapatkan di lebih 500 lokasi terpilih di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

\* Maklumat lanjut layari: [www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my) \*



## **SEBAHAGIAN LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU**

**KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL:** DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ **JALAN CENDERASARI:** KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ **JALAN RAJA LAUT:** PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ **JALAN PAHANG:** RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ **JALANMASJIDINDIA:** PT10BUSINESSCENTRE ■ **KAMPUNGBARU:** YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNGBARU ■ PASARAYAANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJSTOREONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL ZNZ ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ TELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ TELEVENSITESEN IRT ■ **JALAN TUN BAZAK:** INSTITUT IANTING NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PIASAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■

**PUTRAJAYA - PRESINT 1:** MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ **PRESINT 2:** KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■

**LABUAN**-PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSK ■ LOBBY BLOK KERAJAAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-A-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

# JKM Labuan anjur program outreach



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

JABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) Labuan melalui Pasukan Kebajikan Kanak-kanak Labuan menganjurkan program *outreach* bagi menyampaikan maklumat dan inisiatif kerajaan kepada komuniti setempat.

Program tersebut mendapat kerjasama pelbagai agensi kerajaan iaitu PERKESO, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Pengarah JKM Labuan, Ansharey Matarsad berkata penggalan program itu bertujuan mengetengahkan inisiatif yang disediakan oleh kerajaan dan memberi peluang kepada komuniti memanfaatkan inisiatif yang ditawarkan oleh kerajaan.

Katanya, program itu adalah program julung kalinya dilaksanakan di pulau ini.

"Kita juga mengadakan sesi ceramah kepada kanak-kanak yang



**ANSHAREY** (hujung kiri) bersama Dora (tengah) menyampaikan cenderahati kepada wakil Jabatan Penerangan pada majlis perasmian program outreach agensi kerajaan bersama komuniti dan kanak-kanak di sini, pada Sabtu.

disampaikan oleh panel kaunseling dan kita juga menyediakan kaunter perkhidmatan melibatkan lima agensi.

"Tujuan kaunter perkhidmatan lima agensi ini supaya komuniti mendapat manfaat dan info mengenai maklumat bantuan-bantuan yang

disediakan oleh setiap agensi kerajaan," katanya kepada Wilayahku selepas merasmikan Program Outreach Agensi Kebajikan Bersama Komuniti dan Kanak-Kanak peringkat Labuan, di Dewan Kompleks Darul Kifayah MAIWP, pada Sabtu. Beliau berkata, sambutan ko-



**PARA** pengunjung merebut peluang melakukan pemeriksaan kesihatan.

muniti mengenai program ini amat memberangsangkan dengan kehadiran yang seperti mana yang disasarkan.

"Sambutan amat menggalakkan dan kita juga akan merancang untuk mengadakan program seperti ini pada masa akan datang di lokasi-lokasi berlainan seperti di kampung-kampung.

"Sasaran kita adalah agar lebih ramai lagi komuniti mengambil peluang dan manfaat yang disediakan oleh kerajaan," katanya.

Terdahulu, program selama sehari itu menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan secara bersubsidi, kaunter perkhidmatan bantuan, kaunter khidmatan pekerjaan kepada komuniti setempat. **WK**

## APMM Labuan tahan dua warga asing miliki dokumen tamat tempoh

AGENSI Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Labuan telah menahan sebuah bot nelayan tempatan yang dikendalikan oleh warga Indonesia kerana memiliki dokumen pengenalan diri tamat tempoh, baru-baru ini.

Menurut Pengarah Zon Maritim Labuan, Kepten Maritim Nudin Jusoh berkata, semasa rondaan rutin Ops Benteng, sepasukannya telah mengesan sebuah bot nelayan tempatan sedang melakukan aktiviti menangkap ikan di kedudukan 22

batu nautika dari perairan Labuan.

"Hasil pemeriksaan mendapati bahawa bot nelayan terbabit dikendalikan oleh empat orang kru warga Indonesia yang berumur dalam lingkungan 22 tahun hingga 37 tahun.

"Dua daripada kru terbabit, memiliki dokumen pengenalan diri yang sudah tamat tempoh. Bot nelayan, nakhoda kapal bersama kesemua kru ditahan bagi membantu siasatan," katanya kepada pemberita, baru-baru ini.

Nudin berkata, kes tersebut disiasat di bawah Akta Imigresen

1959/63 yang boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM10 ribu atau penjara tidak melebihi lima tahun jika sabit kesalahannya.

"Tinggal di Malaysia tanpa permit yang sah adalah satu kesalahan jenayah oleh itu, komuniti maritim dinasihatkan agar sentiasa menghormati serta mematuhi undang-undang yang telah termaktub di dalam perlumbagaan bagi mengelakkan diri daripada terbabit dengan sebarang salah laku di perairan negara," katanya. **WK**



DUA warga Indonesia ditahan oleh APMM Labuan susulan memiliki dokumen diri yang telah tamat tempoh.



GAPILIN (tengah) bersama jurulatih LGC menunjukkan piala kejohanan yang bakal dimenangi oleh juara Kejohanan Golf Amatur Lelaki dan Wanita Labuan 2022 pada 17 Jun ini.

## LGC anjur Kejohanan Golf Amatur Terbuka 2022, selepas dua tahun tertangguh

KELAB Golf Labuan (LGC) bakal menganjurkan Kejohanan Golf Amatur Lelaki dan Wanita Labuan 2022 pada Jun ini selepas dua tahun ditangguhkan susulan pandemik COVID-19.

Menurut Presidennya, Datuk Gapilin Nasaruddin, pihaknya menyasarkan sebanyak 112 penyertaan iaitu bagi kategori wanita sebanyak 20 penyertaan dan 92 penyertaan bagi kategori lelaki.

Katanya, kejohanan yang berlangsung selama tiga hari

bermula pada 17 Jun ini merupakan kejohanan pertama yang dianjurkan oleh pihaknya setelah dua tahun tidak mengadakan sebarang penganjuran kejohanan susulan pandemik COVID-19.

"Kali terakhir kita mengadakan kejohanan ini pada dua tahun lalu dan pada tahun 2020, 2021 kita terpaksa menangguhkan penganjuran ini susulan pandemik," katanya pada sidang media pada Majlis Penyampaian Hadiah kepada pemenang kejohanan Hari Raya Golf di LGC,

baru-baru ini.

Gapilin berkata, setakat ini pihaknya telah menerima sebanyak 72 penyertaan dan menasarkan mencapai jumlah keseluruhan penyertaan sebelum 15 Jun ini.

"Setakat hari ini, sebanyak 40 penyertaan yang masih dibuka dan kita harap ianya akan dipenuhi seawal daripada kita nasarkan."

"Kita harap kejohanan ini berjalan lancar seperti yang kita rancangkan," katanya. **WK**

DR MOHD ASHROF ZAKI YAAKOB

**T**ARIKH 15 Mei setiap tahun diingati sebagai Nakbah (malapetaka) bagi umat Islam seluruh dunia, khususnya bagi penduduk negara Islam berdaulat Palestin. Tanah suci umat Islam ini dirampas Zionis Israel sejak 74 tahun yang lalu, sekitar tujuh dekad yang lalu iaitu pada 1948.

Istilah Nakbah mungkin agak asing bagi sebahagian umat Islam di Malaysia, kecuali bagi pendokong agama yang benar-benar prihatin dan cakna dengan isu umat Islam antarabangsa terutama di Palestin.

Peristiwa Nakbah merujuk kepada bencana atau malapetaka besar yang secara khusus merujuk kepada penubuhan negara haram Israel yang diisyiharkan secara rasminya pada 15 Mei 1948.

It merupakan rentetan daripada perancangan jahat Yahudi Zionis untuk melaksanakan kependudukan dan penjajahan terancang ke atas tanah dan penduduk asal negara Palestin yang berdaulat.

Dengan bantuan British dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), negara Palestin berjaya dijajah secara sistematis dan akhirnya menjadi asas kepada penubuhan negara haram Israel yang angkuh dan tidak bertamadun.

Penjajahan secara terang-terangan dan mencabuli hak asasi rakyat negara Palestin tersebut dilihat dengan jelas oleh dunia antarabangsa, namun disebabkan lemahnya kesatuan umat Islam, pencabulan dan pemerkosaan ini direstui secara terbuka tanpa sebarang bantahan.

Lebih malang lagi apabila negara-negara Islam lain menjadi bacul dan tunduk dengan tekanan antarabangsa dan PBB. Maka wajarlah bagi rakyat Palestin dan umat Islam seluruhnya meratapi tarikh Nakbah ini sebagai titik hitam paling dalam bagi perpecahan

# Menolak lupa: 74 tahun Palestin dirampas Israel



**NEGARA** Palestin yang dinaungi keselamatan dan kesejahteraan semakin merasai penderitaan hari demi hari.

umat Islam.

Paling menghairankan, apabila berlaku krisis Ukraine-Rusia, masyarakat dunia begitu sedih dan bersympati dengan kezaliman dan kekejaman yang berlaku. Pelbagai saranan dan cadangan penyelesaian telah diutarakan bagi memastikan krisis ini tidak berlarutan.

Ironinya, masyarakat dunia pada masa sama membutkan mata kepada krisis Palestin-Israel yang lebih lama membarah dalam konteks keamanan dunia. Inilah bukti jelas bahawa masyarakat dunia dikuasai oleh rejim zionis dan pemberitaan terpilih menjadikan amalan songsang mereka sejak sekian lama.

Negara Palestin yang dinaungi kedamaian dan kesejahteraan selama ribuan tahun itu semakin hari merasai penderitaan, keperitan dan kepedihan yang berpanjangan apabila berada di bawah kongkongan dan jajahan

Yahudi Zionis.

Negara yang dahulunya luas terbentang serta subur dan makmur bertukar menjadi padang jarak padang terkukur, manakala rakyatnya pula terpenjara di dalam tanahnya sendiri.

Penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Palestin ini tiada contoh lainnya di dunia ini, lantaran ia tidak pernah berlaku di bahagian lain dunia ini dengan penyaksian pencabulan secara terang-terangan oleh masyarakat dunia, tetapi tiada tindakan pembelaan diterima, hatta daripada negara Islam yang lainnya. Alangkah malangnya kamu wahai Palestin!

Peringatan peristiwa Nakbah tahun ini jatuh dalam bulan Syawal di mana semua umat Islam di seluruh dunia meraikan kemenangan setelah sebulan berada di dalam madrasah Ramadan.

**“Meraikan Aidilfitri dengan meriah tiada salahnya bahkan ia dituntut di dalam agama. Namun, dalam kemeriahannya tersebut, tidak wajar untuk kita melupakan nasib saudara kita di Palestin yang saban hari ditindas tanpa belas kasihan walaupun di dalam bulan kebesaran Islam.”**

Meraikan Aidilfitri dengan meriah tiada salahnya bahkan ia dituntut di dalam agama. Namun, dalam kemeriahannya tersebut, tidak wajar untuk kita melupakan nasib saudara kita di Palestin yang saban hari ditindas tanpa belas kasihan walaupun di dalam bulan kebesaran Islam.

Pastinya dalam kemeriahannya Syawal ini, ia mampu menjadi titik tolak kepada perubahan menyeluruh umat Islam dalam membela nasib umat Islam yang tertindas, khususnya di Palestin.

Ramadan yang baru sahaja berlalu mengajar kita merasai kesengsaraan dan penderitaan umat Islam yang lain. Sewajarnya atas semangat keprihatinan ini, umat Islam seluruh dunia perlu segera bertindak mempertahankan kesucian tanah suci umat Islam di Palestin.

Antara tindakan menyeluruh yang boleh dilaksanakan melalui kesatuan umat Islam ialah dengan memboikot semua produk berdasarkan Yahudi Zionis dan sekutunya.

Ummah juga perlu memperjuangkan hak asasi manusia rakyat Palestin di media sosial dengan mendedahkan

kekejaman dan penindasan Yahudi Zionis.

Selain itu, umat Islam juga perlu menggerakkan kempen yang holistik untuk menyedarkan masyarakat dunia tentang isu Palestin serta keperluan pembelaan dan bantuan kemanusiaan yang semakin meruncing di Palestin, khususnya di bumi Gaza.

Bulan Syawal yang barakah ini mampu menjadi titik perubahan dan kesatuan ummah dalam membangkitkan kembali kekuatan umat Islam.

Perselisihan dan perbezaan budaya, bangsa, bahasa dan geografi perlu diketepikan demi menjayakan misi utama dalam menyelesaikan masalah ini.

Ketegasan daripada negara-negara Islam, khususnya Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) amat dituntut agar isu ini mampu diselesaikan dengan bijaksana melalui kesatuan di antara mereka.

Keberanian dan keikhlasan daripada negara-negara Islam dalam membantu Palestin mampu menyelamatkan ribuan nyawa umat Islam, mengurangkan bebanan penderitaan mereka dan akhirnya mampu membela kembali tanah suci umat Islam yang tercinta.

Semoga kegembiraan dan kesyukuran meraikan bulan Syawal ini diterjemahkan oleh seluruh umat Islam dengan melonjakkan usaha penyatuan ummah dan seterusnya memungkin perjuangan pembebasan tanah suci umat Islam di Palestin.

**Penulis Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf (ZAWAF) UiTM Shah Alam.**

## Semangat Keluarga Malaysia memeriahkan sambutan Aidilfitri

**BUANG** yang keruh, ambil yang jernih. Peribahasa tersebut bermakna di fikiran saya sepanjang cuti umum sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri. Ini didorong oleh sifat bermaaf-maafan yang ditunjukkan oleh semua rakan sekerja sebelum bergerak pulang ke kampung halaman masing masing.

Tidak asing untuk saya mendengari ucapan "Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Dan Batin" oleh rakan sekerja di pejabat. Di mana saya juga akan membalsas ucapan tersebut dengan ayat yang serupa. Ia adalah sesuatu amalan yang bukan sahaja berlandaskan prinsip hormat menghormati malahan adalah sesuatu yang sangat menyentuh hati. Kita perlu menghayati maksud ucapan tersebut. Pada saya ucapan

tersebut adalah lebih daripada nilai permukaan. Ia merupakan sesuatu yang mulia dan ikhlas.

Justeru, saya menyeru semua pihak untuk sentiasa muhasabah diri. Jangan melakukan kesilapan yang sama, jangan simpan dendam atau sengketa. Kita semua perlu membuang sikap ego dalam diri.

Masyarakat Malaysia mengutamakan soal budi bahasa dan ini jelas apabila semua orang memang bersopan santun semasa bulan Ramadan dan sambutan Aidilfitri. Namun, pengamalan pertuturan dan tingkah laku yang baik tidak patut hanya dihadkan kepada musim perayaan sahaja. Jadikannya satu amalan hidup seharian.

Dalam pada itu, perlu ingat bahasa mencerminkan keperibadian

seseorang. Oleh itu eloklah kita juga pertuturan masing-masing. Jangan membenarkan emosi mengawal lidah. Sentiasa berhemah dan bersopan santun. Perbuatan tersebut tidak susah dan tidak payah malah tidak melibatkan apa-apa kos.

Perkara ini memang sejajar dengan semangat Keluarga Malaysia yang merupakan penggerak perpaduan di antara kaum. Rakyat Malaysia telah mengharungi banyak cabaran dan musibah bersama. Namun, apa yang pasti kemenangan dan kejayaan yang dicapai adalah hasil semua pihak tanpa mengira bangsa dan agama.

Inilah Malaysia yang kita kenal. Inilah Malaysia yang kita cinta.

**Yeap Ming Liong**  
Subang Jaya, Selangor



**PENULIS** bersama rakan sekerja bergambar kenangan sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri.

# Peniaga UAMK untung besar



HAZIRAH HALIM

**B**ULAN Ramadan tahun lalu ternyata membawa rezeki berlipat ganda buat lebih 30 peniaga di Bazar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) yang terletak di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

Paling menyeronokkan, pada tahun ini mereka mampu meraih keuntungan besar hasil daripada jualan barang persiapan Aidilfitri seperti busana, hijab, kuih raya, aksesori dan sebagainya.

Tak dinafikan, sambutan hari raya baru-baru ini lebih meriah susulan tiada lagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti tahun sebelumnya. Dek kerana itu juga, ramai yang berpusu-pusu untuk mendapatkan keperluan.

Malah, suasana Aidilfitri

dalam keadaan kelam kabut berikutan pengumuman Hari Raya yang jatuh pada 2 Mei iaitu satu hari lebih awal dari jangkaan membawa 1001 kenangan indah buat peniaga di UAMK.

Menurut Pegawai Bahagian Pembangunan Ekonomi Belia UAMK, **Mohd Shahrizzat Sirun**, mereka terkejut diserbu pengunjung termasuk pelancong asing yang ingin membuat persiapan terakhir sebelum berhari raya.

"Sebenarnya kehadiran pengunjung ke bazar amat mengalakkkan sejak awal Ramadan tetapi ia semakin bertambah selepas pengumuman diberikan. Rata-ratanya berpuas hati kerana segala persiapan barang terutama kuih raya terdapat di sini."

"Walaupun pada minggu pertama Ramadan agak suram tetapi menjelang Aidilfitri, UAMK dikunjungi ramai sekali gus membantu menambahkan lagi pendapatan jualan peniaga di sini," ujarnya lagi.



**SEHINGGA** malam terakhir Ramadan, Bazar Kreatif UAMK masih lagi diserbu pengunjung yang membuat persiapan 'last minute' hari raya selepas pengumuman tarikh hari raya diumumkan.

Katanya lagi, sepanjang Ramadan, pihaknya juga telah melakukan pelbagai aktiviti untuk menarik lebih ramai pengunjung antaranya cabutan bertuah,

promosi pembelian kepada mereka yang membeli barang berharga RM30 selain meraikan anak-anak yatim.

"Rata-rata komen yang saya

dapat daripada pengunjung adalah harga berpatutan dan banyak barang boleh diperoleh di sini," katanya ketika dihubungi Wilayahku. **WK**

## 'Duit raya' kongsi bersama keluarga

**PENIAGA** Bazar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) menzahirkan ucapan terima kasih kepada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) kerana memberi peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan.

Rata-rata mereka bersyukur diberi ruang niaga percuma oleh YWP untuk meluaskan lagi perniagaan selain mempromosikan produk secara langsung kepada pengunjung yang hadir.

Menurut peniaga biskut raya **Yummie Delicious Cookies**, **Siti Rohani Abdul Sani**, 41, sejak awal Ramadan lalu dia tidak menang tangan menyiapkan tempahan kuih raya sehingga terpaksa menangguhkan permintaan pelanggan sehingga selepas hari raya.

"Setiap hari saya akan menyiapkan lebih daripada 50 balang kuih raya pelanggan. Kebanyakan yang datang membeli akan mengambil dua atau tiga balang kuih kerana

harga yang berpatutan antara RM18 hingga RM22 sebalang.

"Malah, ada juga yang sanggup menunggu saya membakar kuih dan kemudian berebut apabila ia tidak cukup. Biasanya setiap hari kuih raya yang saya jual habis," ujarnya ketawa mengenang gelagat pelanggan.

Ceritanya lagi, dia juga turut mendapat 10 tempahan kuih raya saat akhir tetapi terpaksa ditangguhkan sehingga selepas raya kerana terpaksa menyelesaikan persiapan keluarga pula ketika itu.

Menambah tentang perancangan jualannya pada masa hadapan, Siti Rohani dalam proses mendapatkan sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan berazam untuk membuka kedai sendiri selain memperkenalkan biskut rayanya ke peringkat antarabangsa.

Sementara itu bagi pengusaha jahitan kreatif, **Munirah Yahya**, 45, dia sama sekali tidak menyangka baju, beg dan bantal yang dijualnya meraih keuntungan mencecah ribuan ringgit sepanjang Ramadan.

"Syukur ke hadrat Ilahi, dengan hasil jualan ini dapatlah tambah sedikit modal niaga dan juga duit raya untuk anak-anak dan saudara. Saya teruja berkongsi rezeki dengan mereka yang merupakan penguat semangat saya selama ini," ujarnya.

Katanya kebanyakannya pelanggannya terdiri daripada mereka yang berkeluarga dan ingin mencari pakaian sedondon untuk dipakai di hari raya.

"Alhamdulillah saya tidak mengalami masalah seperti susah untuk mendapatkan bekalan dan sebagainya," jelasnya.

Dalam pada itu, pengusaha kerepek, **Shamsiah** berkata keuntungan diperolehnya meningkat dua kali ganda di bulan Ramadan ini memandangkan kerepek antara ole-ole yang dicari apabila pulang ke kampung halaman.

Shamsiah turut mengucapkan terima kasih kepada YWP selaku pihak yang membuka, mengurus dan mempromosikan bazar ini kepada pengunjung di seluruh Malaysia termasuk luar negara serta mengharapkan agar tapak niaga ini akan lebih dikenali dan diteruskan pada masa hadapan.



MUNIRAH



SHAMSIAH



**BISKUT** raya yang dibuat oleh Siti Rohani mendapat sambutan mengalakkkan apabila lebih daripada 50 balang dihasilkannya setiap hari.



**SELAIN** pakaian, Produk Jahitan Kreatif oleh Munirah Yahya antara yang mendapat sambutan di Bazar UAMK sepanjang Ramadan.

# Jom sertai Bengkel Penghasilan Produk PolyAl percuma



DIANA AMIR

**P**ERBADANAN Putrajaya (PPj) bakal menganjurkan bengkel penghasilan produk kitar semula daripada bahan PolyAluminium (PolyAl) secara percuma buat warga Putrajaya pada 1 Jun akan datang.

Pengarah Pembangunan Mampan dan Perumahan, Perbadanan Putrajaya, **TPr Noor Sita Abbas** berkata bengkel khas tersebut bakal memberi pendedahan kepada komuniti Putrajaya dalam menghasilkan produk baru yang boleh menjana hasil pendapatan dan meningkatkan ekonomi secara tidak langsung.

"Peserta akan dilatih untuk mengilhamkan produk daripada kreativiti sendiri dengan produk



NOOR SITA

baru yang berkualiti selain ia bertujuan untuk memperkenalkan konsep ekonomi sirkular sebagai pendekatan baru dalam tindakan pengurangan sisa pepejal di Putrajaya," ujarnya.

Tambahnya, mereka juga akan dibekalkan dengan barang pertukangan serta bahan-bahan yang diperlukan selain diajar cara pengendalian mesin ringan sambil dipantau oleh jurulatih bertugas.

Terhad kepada 30 orang peserta, ia bakal diadakan selama satu hari bertempat di Dewan Seri Melati, Kompleks PPj.

"Sehingga kini terdapat lebih 10 orang peserta yang telah mengesahkan kehadiran mereka dan penyertaan masih dibuka sehingga 19 Mei 2022," ujarnya.

Mengulas tentang bahan PolyAl, Noor Sita berkata, ia merupakan kepingan aluminium yang terdapat di dalam kotak minuman terpakai (*Used Beverage Cartons - UBC*).

"Ia merupakan bahan mesra

alam yang dapat dikitar semula menjadi papan PolyAl. Bahan ini dapat diguna semula bagi menghasilkan satu produk baru secara kreatif dalam pelbagai bentuk yang boleh dimanfaatkan semula bagi menghasilkan barang kitar semula seperti bakul, bangku, kotak, lampu, rak buku, pasu dan sebagainya," ujarnya.

Katanya, program tersebut adalah di bawah salah satu inisiatif Bandar Hijau yang mana Projek CAREton@Putrajaya yang telah diperkenalkan oleh pihak PPj, Syarikat Tetra Pak® Malaysia dan Syarikat Nestle MILO® UHT pada tahun 2012.

"Ia bertujuan untuk mengumpulkan UBC untuk diproses kepada bahan binaan mesa alam seperti PolyAl dan merupakan satu platform bagi komuniti Putrajaya untuk mengumpul sebanyak mungkin kotak-kotak minuman terpakai," katanya.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Cik Wang Tze Wee / Muhammad Fahri Zulkifli di talian **03-8887 7000 (7180 / 8530)**. **W.K**

The poster for the "BENGKEL PENGHASILAN PRODUK POLYAL 2022" features a woman working at a workbench. Logos for various sponsors like Tetra Pak, Nestle Milo, and Epic Homes are at the top. The text includes the date (1 Jun 2022), time (8:30 AM - 5:00 PM), and location (Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya). It also asks if participants are creative, interested in recycling, or practicing green culture. A QR code is provided for registration, with a note that applications close on 19 May 2022.

## 5,017 pokok Gutta Percha ditanam seluruh negara dalam masa 24 jam

AINI MAWAWI

Foto: FARIS AZMI PPj

**YAYASAN TM (YTM)** unit Yayasan Telekom Malaysia Berhad melancarkan Program Penanaman Pokok Gutta Percha sebanyak 5,017 batang secara serentak di 23 zon seluruh negara dalam masa 24 jam Selasa lalu.

Program yang menerima pengiktirafan oleh *Malaysia Book of Records* tersebut bersempena Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia 2022 ini diinspirasikan daripada kempen 'Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita' di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Menurut Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan TM, **Tan Sri Datuk Seri Abd Ghafar Mahmud**, program yang penuh simbolik itu merupakan usaha kolaboratif untuk melindungi khazanah semula jadi dan menghargai peranan unik spesies tersebut.

"Dari asal usulnya yang kurang dikenali di dalam hutan semula jadi kita sendiri, spesies ini telah mengubah keupayaan komunikasi kita, dan kini ia menjadi tanggungjawab kita untuk melindunginya buat generasi akan datang," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, spesies yang berasal dari negara ini



ZAHIDI (tengah) menanam pokok Gutta Percha di Taman Botani Selasa lalu disaksikan Abd Ghafar Mahmud (dua kiri).

dikenali sebagai Nyatoh Taban Merah dalam kalangan penduduk tempatan.

"Ia memainkan peranan penting kepada permulaan rangkaian telegraf dasar laut global, di mana pada tahun 1851, getah daripada pokok Gutta Percha mula digunakan sebagai bahan penebat dan seterusnya membawa kepada penciptaan kabel dasar laut pertama dunia," ujar beliau.

Kata beliau lagi, Hari Telekomunikasi dan Masyarakat

Berinformasi Sedunia 2022 disambut oleh pemain industri, agensi dan rakan korporat dengan cara mereka tersendiri.

"Ketika kita berada dalam dunia digital yang bergerak pantas, kita perlu mengimbanginya dengan usaha-usaha pemuliharaan hijau untuk mengekalkan persekitaran kita. Saya gembira menyaksikan pemeliharaan Gutta Percha, spesis asli yang penting dalam bidang telekomunikasi," ujar beliau.

Sejumlah 18 rakan usahasama

The infographic highlights two milestones in submarine cable history. It shows a historical cable from 1845 and a modern cable from 1850. It includes diagrams of different cable types and a ruler scale for size comparison. Logos for various partners are at the bottom.

terlibat terdiri daripada Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Perbadanan Putrajaya (PPj), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Majlis Perbandaran Sepang dan banyak lagi.

Terdahulu, program penanaman turut diadakan di Taman Botani Putrajaya yang dirasmikan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin. **W.K**

Usaha layakkan diri ke skuad pelapis

# Jia Le bangga kejayaan kakak

AINI MAWAWI

**A**TLET terjun Wilayah Persekutuan, Ong Jia Le, 17 mengakui mahu mengikuti jejak langkah kakaknya, Ong Ker Ying yang berjaya meraih pingat emas dalam acara 3 meter (m) papan anjal seirama wanita di Sukan SEA Hanoi baru-baru ini.

Katanya, dia tidak terkejut apabila kakaknya berjaya meraih emas bersama gandangannya iaitu penerjun senior Wendy Ng Yan Yee memandangkan Ker Ying seorang yang rajin berusaha membaiaki terjunannya.

"Dia selalu memberi tunjuk ajar kepada saya selain Wendy yang tidak lokek berkongsi pengalaman berharga. Jujurnya saya bangga mereka berdua berjaya menyumbangkan pingat emas kepada negara," ujarnya.

Tambahnya lagi, lebih membanggakan kedua-duanya



juga merupakan atlet Wilayah Persekutuan yang sekali gus turut mengharumkan nama Kuala Lumpur di persada antarabangsa.

"Fokus utama saya ketika ini adalah untuk memberikan persembahan yang terbaik dalam setiap penampilan dan berjaya menjadi salah seorang pelapis dan seterusnya pemain kebangsaan."

"Sebelum ini saya ada mengikuti pemilihan sebagai pelapis tetapi nasib tidak menyebelahi saya disebabkan kecederaan yang dialami di bahagian kaki ketika umur 11 tahun kembali menyerang."

"Kalaupun tersilap langkah sedikit, kecederaan tersebut datang. Kerana itu, saya terpaksa sentiasa berhati-hati ketika berlatih mahupun mengikuti sebarang kejohanan," ceritanya kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, pandemik COVID-19 yang melanda negara sehingga memaksa Perintah



ONG Jia Le bersama kakaknya, Ker Ying (kanan) yang berjaya meraih emas pada Sukan SEA baru-baru ini.

Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan sebelum ini membuatkannya tidak berkesempatan untuk menyertai sebarang kejohanan.

"Sepatutnya pemilihan pelapis diadakan lagi dua tahun lalu tetapi ditangguh kerana PKP.

## Pencapaian Ong Jia Le

2021 - Majlis Sukan Sukan Malaysia (MSSM) Selangor - Emas

2017 - Kejohanan Terbuka Singapura - Tempat pertama

2014 - Majlis Sukan Sukan Malaysia (MSSM) Selangor - Perak

2014 - National Age Group Selangor - Gangsa

Apapun saya sentiasa menanti dan akan merebut peluang untuk meletakkan diri di tempat yang tinggi.

"Paling penting saat ini adalah usaha yang berlipat kali ganda agar sentiasa bersedia untuk sebarang kejohanan dalam masa terdekat ini," ujarnya yang merupakan anak bongsu daripada empat orang adik-beradik. **WK**



# Pendakian tanpa tangki oksigen sasaran T. Ravichandran

DIANA AMIR

"MISI pendakian Gunung Everest buat kali keempat tanpa menggunakan tong oksigen akan diteruskan pada tahun hadapan," ujar pendaki solo T. Ravichandran, 57, atau lebih dikenali sebagai Ravi Everest.

Menurutnya dalam satu sidang media khas yang diadakan secara atas talian baru-baru ini, misi tanpa menggunakan tong oksigen yang dirancang tidak dapat diteruskan pada tahun ini kerana ia bukan pendakian solo.

"Pendakian solo dan berpasukan amat berbeza di mana kita perlu mengambil kira soal keselamatan dan kesihatan yang lain juga. Oleh itu, misi tersebut akan saya lakukan pada 1 April 2023 nanti," ujarnya.

Tambahnya lagi meskipun ini merupakan kali ketiga dirinya menawan puncak dunia itu, namun ia berbeza pada kali ini apabila kegembiraan tersebut dapat dikongsi bersama rakan pasukannya, N Elanghovan, 64.

"Pendakian kali ini agak berbeza kerana ia bukan lagi pendakian solo dan saya dapat berkongsi kegembiraan ketika di puncak bersama Elanghovan, saya dapat melihat, tepuk bahu dia dan menitiskan air mata kegembiraan bersama ketika berada di puncak."

"Perasaan tersebut amat berbeza daripada pendakian solo saya sebelum ini," jelasnya yang berpuas hati dengan matlamat yang



RAVI dan Elango mengibarkan Jalur Gemilang ketika berada di puncak Everest.

telah dicapai pada pendakian kali ini.

Dalam pada itu, rakan pasukannya yang lebih dikenali sebagai Elango menyatakan G7 (Tujuh Puncak, Tujuh Benua) sebagai misi seterusnya pada masa hadapan.

"G7 merujuk kepada tujuh gunung tertinggi di dunia di tujuh benua yang menjadi matlamat besar para pendaki untuk menawannya termasuk Everest (8,850 meter), Aconcagua

di Argentina (6,961 meter), Denali di Alaska (6,194 meter), Kilimanjaro di Afrika (5,895 meter) dan Elbrus di Rusia (5,642 meter)," ujarnya.

Berkongsi berkenaan persiapan yang dilakukan, Elango berkata meskipun berdepan limtasi pergerakan akibat COVID-19 ketika sesi latihan pendakian, perkara itu tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan misi yang tertangguh sejak 2020.



ANTARA penaja yang terlibat dalam misi menawan Everest baru-baru ini.

"Saya mula-mula datang ke Everest Base Camp (EBC) pada tahun 2014, ketika itu ia menjadi satu inspirasi kepada saya untuk mendaki Gunung Everest."

"Pada tahun 2019, saya dan Ravi Everest ke Nepal dan mendaki Island Peak. Pada masa itu, banyak yang saya belajar mengenai ilmu pendakian daripada Ravi Everest ketika ekspedisi pendakian," katanya yang berada di EBC menerusi platform Google Meet.

Elango berkata meskipun se-si latihan di dalam negara tidak seperti pendakian Alpine namun ia tetap memberi persediaan yang secukupnya kepada mereka dari segi stamina dan fizikal untuk ekspedisi pendakian Gunung Everest pada kali ini.

"Tidak perlu latihan mendaki gunung setinggi 8,000 meter, cukup sekadar penetapan minda,

ilmu dan bimbingan yang baik sudah mampu mendorong seseorang itu menawan puncak Everest," katanya.

Pasukan tersebut mulakan pendakian pada 2 Mei menuju ke khemah satu, khemah dua serta khemah tiga dan berhenti untuk berehat pada 5 Mei sebelum meneruskan pendakian dari 9 hingga 11 Mei sekali gus tiba di puncak pada 12 Mei, 9.17 pagi.

Ahli Keluarga Malaysia-Everest Expedition 2022 itu setakat ini berjaya menawan puncak Island Peak (6,189 meter), ECB (5,360 meter), Annapurna Base Camp (4,130 meter) dan Gunung Kalapathar (5,643 meter) yang semuanya di Nepal serta Gunung Kilimanjaro (5,895 meter) di Tanzania iaitu puncak tertinggi di benua Afrika dan Gunung Fuji (3,776 meter) di Jepun. **WK**



## DBKL tidak pernah lantik ejen kutip hutang

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah melantik mana-mana ejen bagi mengutip sewa rumah dan bil air di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Unit Media DBKL dalam satu kenyataan berkata, semua bayaran tersebut perlu dibayar di kaunter DBKL atau secara dalam talian melalui *JomPay* secara perbankan internet dan telefon mudah alih.

Menurutnya, DBKL tidak bertanggungjawab di atas kegagalan penerimaan bayaran oleh penyewa yang membuat bayaran kepada pihak ketiga.

"Penyewa diminta membuat aduan ke DBKL di ADU@KL sekiranya terdapat individu, ejen atau syarikat yang menawarkan perkhidmatan kutipan hasil tersebut," katanya menurut kenyataan pada Selasa.

Tambah kenyataan itu, orang awam boleh merujuk lokasi dan waktu operasi kaunter

DBKL boleh dirujuk di portal DBKL [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my).

Sementara itu, sumber DBKL memaklumkan, semakan mendapati terdapat penyewa yang mempunyai tunggakan sewa mendakwa telah membuat bayaran melalui ejen.

Bagaimanapun katanya, perkara tersebut tidak dapat disahkan benar atau sekadar alasan untuk mengelak membayar sewa rumah dan bil air mereka. **WK**



DBKL tidak bertanggungjawab di atas kegagalan penerimaan bayaran oleh penyewa yang membuat bayaran kepada pihak ketiga.



PROGRAM tersebut menyasarkan kehadiran kira-kira 20,000 pengunjung dari sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

## 'Aidilfitri@Dataran Merdeka' 28 Mei

SELEPAS larangan sambutan apa-apa majlis untuk tempoh dua tahun lalu, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bakal menganjurkan Sambutan Aidilfitri@Dataran Merdeka pada Sabtu, 28 Mei ini.

Pengarahnya, **Datuk Mohd Ajib Ismail** berkata, program yang dianjurkan ini bermula dari pukul 10 pagi hingga 2 petang itu menyasarkan kehadiran kira-kira 20,000 pengunjung dari sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Program anjuran JAWI dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didakwa dengan kerjasama

rakan strategik akan menghimpunkan masjid dan surau Jumaat di Wilayah Persekutuan bagi menyediakan 120 gerai pelbagai menu dan juadah secara percuma untuk dinikmati oleh orang ramai," katanya dalam majlis Perhimpunan Bulanan Warga JAWI dan Sambutan Hari Guru pada Isnin.

Mohd Ajib berkata, majlis tersebut akan menggunakan konsep yang sama ketika pertama kali dianjurkan pada tahun 2019 sebelum pandemik COVID-19 melanda negara.

"Acara berkenaan turut menerima anugerah *Malaysia Book of Records* (MBR) dalam Penganjuran Masjid

Paling Banyak Dalam Acara Rumah Terbuka Hari Raya," katanya.

Tambahnya, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim turut dijangka hadir untuk memeriahkan majlis tersebut.

Katanya, program yang dianjurkan pada 2019 menarik kehadiran 20,000 pengunjung pelbagai latar belakang dengan menu tarikan utama adalah kambing golek dan durian.

Ia turut tersenarai di dalam *Malaysia Book of Records* bagi Penganjuran Masjid Paling Banyak Dalam Acara Rumah Terbuka Hari Raya. **WK**

## "Media sosial bukan medan porno" - Baby Shima

DEEL ANJER

DALAM dunia teknologi komunikasi yang semakin canggih dan dunia tanpa sempadan, agak sukar untuk kita mengawal unsur lucu atau pornografi dalam masyarakat terutamanya generasi muda.

Kini, sesetengah masyarakat gemar menggunakan media sosial untuk mengakses dan mendapatkan bahan-bahan pornografi.

Apa yang lebih membimbangkan, mereka menggunakan media sosial untuk melakukan gangguan seksual ke atas sesiapa sahaja yang dimahuhan tanpa ada rasa segan.

Penyanyi popular, **Baby Shima** juga juga turut mengakui sering diganggu dengan gambar dan mesej-mesej berunsurkan seks dan pornografi dalam media sosial.

"Tidak dinafikan, media sosial sudah menjadi sebahagian dalam hidup kita. Malah sudah menjadi 'wajib' ada bagi se-

setengah orang. Kalau bijak menggunakan media sosial, maka banyaklah faedah yang boleh kita perolehi daripadanya.

"Apa yang saya kesalkan adalah sikap melampau sesetengah netizen yang tergamanak melakukan gangguan seksual terhadap saya tanpa rasa segan. Saya yakin, ramai juga di luar sana yang berhadapan situasi ini. Cuma bezanya mereka tidak berkongsi apa yang dihadapi dalam media sosial," ujarnya.

Katanya dia tidak melayan hal mengarut seperti itu kerana enggan membuang masa namun jika ia keterlaluan, dia terpaksa membuat hantaran termasuklah memaparkan wajah individu tersebut.

"Bukan apa, sedikit sebanyak boleh memberi pengajaran kepada netizen yang menyalahgunakan kemudahan ini. Ingat, media sosial ini bukan 'medan' porno," luahnya kepada *Wilayahku*.

Penyanyi lagu *Pura-Pura Bujang* dan *Lalai* ini mengakui dia sedar tindakann-

ya memaparkan wajah individu yang terlibat tidak dipersetujui ramai namun berharap cara tersebut menjadi pengajaran.

"Siapa pun kita, di mana pun kita berada, adab mestu dijaga walaupun dalam media sosial. Jangan hanya beradab ketika bertemu secara hadapan, tetapi beradablah di mana sahaja kita berada," jelasnya yang turut hadir memeriahkan majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan baru-baru ini. **WK**



BABY SHIMA